


ANTOLOGI
KISAH Futures

KATEGORI BAHASA MALAYSIA



KISAHFutures

PENGHARGAAN: PERTANDINGAN
KISAH FUTURES



PENASIHAT PROJEK

Benjamin Ong (UNDP - United Nations
Development Programme / Program Pembangunan
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
Rushdi Abdul Rahim (MIGHT - Malaysian
Industry-Government Group for High Technology)
Susan Philip (Universiti Malaya)
Maya Tan (Think City)

PENGURUSAN PROJEK

Maya Tan (Think City)
Benjamin Ong, Aisyah Razihan (UNDP)
Natrah Mohd Emran, Nadia Sullivan (MIGHT)
Susan Philip, Ahmad Hilmi Mohamad Noor,
Aini Azureen Abdul Aziz (Universiti Malaya)

KOMUNIKASI & LAMAN WEB

Skunkworks Communications

Stefanie Chong (North Interactive)

Nur Amira Muhammad (MIGHT)

PENGHAKIMAN & PENILAIAN

David Tan, Elinna Abdul Kadir, Nornazwah Hasan
Basri, Titus Loh, Ashvinder Singh, Sumitra
Sundram, Benjamin Ong, Aisyah Razihan
(UNDP)

Elizabeth Alexander, Azmil Mohd Amin, Natrah
Mohd Emran, Nadia Sullivan (MIGHT)

Susan Philip, Surinderpal Kaur, Keith Jardim,
Leonard Rajan Jeyam (Universiti Malaya)

Maya Tan (Think City)

Diterbitkan oleh

Matahari Books, sebuah label di bawah:

Buku Fixi Sdn Bhd ^(1174441-X)

B-8-2A Opal Damansara, Jalan PJU 3/27
47810 Petaling Jaya, Malaysia
matahari.books@gmail.com

Semua hak terpelihara.

Antologi KISAH Futures

© Matahari Books 2021

Cetakan Tunggal: 2021

Rekacipta & rekaletak: Teck Hee

Perunding: Hani Suraya & Deric Ee

ISBN 978-967-2328-50-6

PDF buku ini boleh dimuat-turun daripada:

<https://www.thinkcity.com.my/UNDPKisah>

Semua nama watak, syarikat dan organisasi dalam semua cerpen dalam buku ini adalah fiksiyen atau digunakan dalam kerangka fiksiyen.

Data Katalog-Dalam-Penerbitan dapat diperolehi daripada Perpustakaan Negara Malaysia.

Dicetak oleh:

Vinlin Press Sdn Bhd

2 Jalan Meranti Permai 1, Meranti Permai Industrial Park
Batu 15, Jalan Puchong, 47100 Puchong, Malaysia

ANTOLOGI
KISAH FUTURES



KATEGORI BAHASA
MALAYSIA



KANDUNGAN



PRAKATA DARIPADA UNDP	9
MIGHT: PEMIKIRAN MASA HADAPAN	11
UNIVERSITI MALAYA: PERIHAL FANTASI & REALITI	13
THINK CITY: SUARA RAKYAT DALAM MEMBENTUK KOTA	15
PERIHAL PERTANDINGAN KISAH FUTURES	17

TEMPAT PERTAMA

APA KHABAR DUNIA <i>Khasrul Hanif Hazirin bin Mohd Yusof</i>	19
---	----

TEMPAT KEDUA

SIMPAN DULU TERIMA KASIHMU <i>Shafizah Binti Mohd Zangi</i>	23
--	----

TEMPAT KETIGA

HIKMAH DI SEBALIK MUSIBAH <i>Mohamed Afiq Amani Bin Mohamed Nahdirsha</i>	27
--	----

DARI SEBUAH PANDEMIK KE ANGKASA RAYA <i>Rafidah Abu Nasir</i>	31
VIRUS YANG MEMBUNUH KENANGAN <i>Rafaad Bin Roslan</i>	35
LULUHNYA BUNGA CEMPAKA <i>Syaima' Mohd Noor</i>	39
HOP <i>Dea Mardhiah</i>	43
VIRUS LEGENDA <i>Asrizam Esam</i>	47
MALAYSIA PADA TAHUN 2049; KEPENTINGAN F_KLON <i>Mohd Loqmanul Hakim Bin Kamaruldzaman</i>	51
HAK <i>Nur Firzana Rosman</i>	55
PENCEMARAN: ANGKARA SIAPA? <i>Priiyalakshmi A/P Kumarrajah</i>	60
APOKALIPTIK <i>Muhammad Azrie Idzmeer bin Rosli</i>	64
COVID-19 — PERJALANAN SEBUAH BANDAR BAHARU <i>Muhammad Hanif bin Abdul Barik</i>	68
JUMPA LAGI, 2020 <i>Muhammad Nabil Bin Ab Rahim</i>	72

KUALA LUMPUR 2.0 <i>Raudhatul Hazirah Binti Md Ridzaudin</i>	76
OMBAK <i>Mohd Yusof Baharuddin</i>	81
TUAH DARI JUMANTARA <i>Mohamad Ezuan bin Sapri</i>	85
PERMULAAN <i>Nur Liyana Abu Bakar</i>	89
DEMI SEBUAH KESINAMBUNGAN <i>Rajiah binti Hasan</i>	93
NOSTALGIA 2020 <i>Hazlina Binti Ibni Hashim</i>	97
BANDAR LANGIT <i>Sali Suhaimi</i>	101
DUNIA SEPERTI YANG KITA KENALI <i>Aliaa Alina</i>	106
ADAKAH KEKAL SAMA? <i>Nurul Izzyana Binti Rahmat</i>	111
SURAT UNTUK KALIAN <i>Muhammad Amin B. Md Sani</i>	115
REVOLUSI COVID <i>Shafeera Rasyada Shaiful</i>	119

PRAKATA DARIPADA UNDP



Sejarah manusia adalah koleksi sekumpulan cerita dan naratif yang merangkumkan pengalaman-pengalaman dalam satu-satu tempoh masa, dan boleh dijadikan rujukan tentang kehidupan manusia pada sesebuah era. Sejarah menggambarkan harapan, kekecewaan, kerisauan dan impian. Tidak ada satu pun budaya dalam dunia yang tidak memiliki sejarah yang berwarna-warni, yang dikongsi kepada generasi selepasnya, seperti sebuah pusaka yang diturunkan kepada anak cucu.

Kita kini berada di era sains dan teknologi, yang bergantung kepada data dan bukti saintifik. Namun begitu, kita tidak seharusnya mengabaikan terus pendapat dan pemerhatian yang berdasarkan pengalaman peribadi masyarakat yang melalui sesuatu era atau peristiwa penting. Ketika kita membayangkan masa depan yang diingini (dan tidak diingini), kita mencipta kisah—tentang siapa diri kita dan apa yang kita inginkan. Pendek kata, kita menggunakan kuasa imaginasi manusia, berdasarkan pemerhatian dan pengalaman. Apabila kisah-kisah ini dikumpul dari masyarakat yang memiliki latar belakang berbeza, ia membentuk gambaran sebenar tentang dunia masa kini dan akan datang.

Bersama MIGHT, Universiti Malaya dan Think City, kami di UNDP berpeluang mendekati golongan yang suara mereka selalunya tidak didengari dalam usaha pembangunan dan

pembentukan masa hadapan. Cerita-cerita ini, yang menyentuh tentang harapan, impian dan kerisauan, juga turut menghiburkan, mencabar dan mencetuskan kesedaran serta memberi lebih kefahaman tentang bagaimana penceritaan akan membantu kita dalam usaha membentuk masa depan yang lebih baik. Kami mengajak anda untuk sama-sama menikmati kesemua bayangan mereka tentang Malaysia pada masa hadapan, selepas pandemik COVID-19, dan untuk turut sama menulis kisah Malaysia dan masa depan yang kita harapkan.

— **Niloy Banerjee,**
Wakil Tetap,
Program Pembangunan Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu,
Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam

MIGHT: PEMIKIRAN MASA HADAPAN



Menarik kalau kita membayangkan ada mesin masa yang boleh bawa kita melihat masa depan, walaupun itu selalunya cuma terjadi dalam filem saifai. Tema futuristik selalunya memberi peluang pada kita untuk menerokai segala bentuk kemungkinan yang boleh berlaku, serta mempersiapkan kita untuk berhadapan dengan perubahan pada masa akan datang. Inilah sebabnya kenapa kita menggalakkan seramai mungkin ahli masyarakat untuk berkreativiti dengan imaginasi mereka tentang masa depan, dan Pertandingan KISAH Futures adalah ruangnya, untuk penulis dan juga pembaca.

Cerita-cerita yang akan anda baca dalam antologi ini dipilih kerana kesemuanya menepati kehendak juri—cerita-cerita dalam pelbagai situasi dan senario, yang mungkin atau tidak mungkin akan terjadi satu hari nanti. Yang menariknya, bukan hanya impian yang dikongsi oleh setiap penulis, namun mereka juga turut berkongsi kerisauan yang hampir serupa.

Mereka membayangkan perubahan-perubahan yang mungkin akan berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat, dari perkhidmatan kesihatan, cara perjalanan sehinggalah cara kerja selepas zaman pandemik COVID-19. Para penulis juga bijak membayangkan teknologi-teknologi baru yang akan wujud untuk

menghadapi perubahan-perubahan ini dan memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan dunia, amnya.

Bukan itu saja, cerpen-cerpen ini juga turut menyentuh tentang hubungan sesama manusia. Kebanyakannya menekankan tentang pentingnya menghargai semua yang ada di sekeliling kita; keluarga, rakan-rakan, kerjaya, kebebasan dan rasa cinta buat negara. Sesuatu yang mungkin selama ini kita ambil mudah sahaja.

Semoga anda juga turut akan menyukai cerita-cerita ini, dan kami berharap koleksi kisah-kisah ini akan mencetuskan idea dan pemikiran tentang bagaimana kita semua akan menghadapi masa depan pasca zaman pandemik COVID-19 ini nanti.

— **Natrah Mohd Emran,**
Ketua Program Outreach,
myForesight[®], Malaysian Industry-Government
Group for High Technology (MIGHT)

— **Nadia Sullivan,**
Penganalisis Kanan,
myForesight[®], Malaysian Industry-Government
Group for High Technology (MIGHT)

UNIVERSITI MALAYA: PERIHAL
FANTASI & REALITI



Pihak penganjur telah memberi ruang kepada para penulis untuk membayangkan masa depan selepas pandemik COVID-19, termasuklah menceritakan impian dan harapan, ketakutan serta fantasi mereka, tidak kiralah yang positif ataupun yang negatif.

Kebanyakannya menyentuh tentang perkembangan sains dan teknologi digital, termasuklah meneroka kemungkinan akan wujudnya teknologi baru, seperti dron yang boleh mengesan lokasi anda sekiranya anda mengalami simptom COVID-19, atau teknologi pintar yang mewujudkan ruang yang selamat dari jangkitan penyakit, contohnya. Ada juga yang mengaitkan idea teknologi kecerdasan buatan (AI) dengan perhubungan manusia, sebagai satu cara untuk individu berkomunikasi dengan insan tersayang, atau sebagai pengganti interaksi sesama manusia serta sokongan emosi. Ada juga yang menyentuh isu sumber makanan, dengan cetusan kisah-kisah yang menyebut tentang kebun bandar dan perkongsian sumber makanan dalam komuniti.

Ada beberapa penulis turut menulis tentang pemisahan kelas, termasuklah antara mereka yang divaksin dan tidak divaksin, di mana golongan yang tidak menerima vaksin terpaksa hidup dalam keadaan sukar jika dibandingkan dengan pihak yang mampu

menerimanya. Selain itu, semestinya kisah tentang pandemik COVID-19 yang telah mengubah budaya dan norma sosial seharian, mengubah cara hidup serta mencabar daya tahan manusia dalam menghadapi cabaran akan datang.

— **Susan Philip,**
Profesor Madya, Jabatan Inggeris,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya

— **Surinderpal Kaur,**
Dekan, Profesor Madya,
Fakulti Bahasa dan Linguistik,
Universiti Malaya

THINK CITY: SUARA RAKYAT
DALAM MEMBENTUK KOTA



Kehidupan di bandar besar sememangnya cukup mencabar. Walaupun bandar merupakan pusat ekonomi dan aktiviti sosial, pengalaman tinggal di bandar berbeza bagi setiap orang. Kos kehidupan yang tinggi, kesesakan dan kurangnya peluang untuk bermasyarakat adalah antara cabaran tinggal di bandar besar pada zaman sekarang. Tetapi mengikut kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, lebih daripada separuh penduduk dunia kini tinggal di bandar-bandar besar, dan jumlahnya dijangka akan terus bertambah di masa akan datang.

Di tengah-tengah keperluan untuk menyediakan sumber mencukupi di bandar-bandar besar, dunia terpaksa berdepan dengan pandemik COVID-19, yang bukan saja telah meragut banyak nyawa di seluruh dunia, tetapi juga kebebasan kita untuk keluar beraktiviti kerana keperluan untuk mengadakan penjarakan sosial demi untuk memutuskan penularan virus tersebut. Para perancang bandar perlu memikirkan cara untuk mengadaptasi ruang serta merekabentuk semula sistem dan fungsi bandar bagi mengelakkan penduduk bandar merasa terperangkap dalam kediaman masing-masing.

Penting untuk kita menyadari bahawa proses pembangunan bandar seharusnya tidak hanya terletak di tangan pembuat dasar. Kami di Think City berpendapat bahawa masyarakat seharusnya diberi peluang untuk menyumbang idea bagi pembentukan bandar kediaman mereka, yang turut menjadi pendekatan asas kami yang mengutamakan kepentingan komuniti dalam aspirasi Think City untuk mewujudkan pembangunan lestari.

Inisiatif seperti Pertandingan KISAH Futures ini dilihat penting untuk mendengar suara dan pandangan pelbagai lapisan masyarakat mengenai kehidupan di bandar-bandar besar. Kami ingin tahu apa pendapat mereka tentang bandar dan kehidupan di bandar, dan yang lebih penting, memberi ruang untuk mereka menceritakan tentang apa saja impian atau perubahan yang ingin mereka lihat di masa akan datang.

Saya harap anda juga akan menikmati cerita-cerita ini, seperti mana saya menyukainya. Tema-tema dan persoalan yang diangkat dalam cerita-cerita ini diharapkan telah memberi perspektif baru serta mencetuskan idea-idea demi penambahbaikan kehidupan masyarakat urban di masa akan datang. Setinggi penghargaan kepada pihak UNDP, MIGHT, dan Universiti Malaya atas kerjasama yang cukup bermakna ini.

— **Hamdan Abdul Majeed,**
Pengarah Urusan,
Think City

PERIHAL PERTANDINGAN KISAH FUTURES



Pertandingan KISAH Futures, yang dianjurkan oleh UNDP Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam dengan kerjasama pihak MIGHT, Universiti Malaya dan Think City, diadakan untuk mengumpulkan idea dan pengalaman rakyat Malaysia ketika berdepan dengan pandemik COVID-19. Bagaimana pandemik ini telah memberi kesan kepada kehidupan kita? Apa langkah penyelesaian masalah yang kita lalui. Dan yang lebih penting, apa yang kita bayangkan akan terjadi di masa depan?

Pertandingan ini memberi peluang kepada masyarakat Malaysia untuk menggunakan penceritaan sebagai medium untuk menzahirkan harapan dan kerisauan mereka. Walaupun bersifat fiksiyen, namun kami mengharapkan apa sahaja maklumat serta idea yang diperolehi dari kisah-kisah ini akan memberi input yang lebih mendalam berbanding soal selidik cara konvensional, dan data yang diperolehi akan lebih bermanfaat bila diaplikasikan pada inisiatif yang akan memberi manfaat kepada seluruh komuniti.

Penyertaan dibuka kepada warganegara dan penduduk Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Mereka perlu menghantar cerita pendek tidak melebihi 700 patah perkataan tentang masa hadapan, selepas COVID-19. Antara kriteria penjurian adalah Pemikiran Jauh, Daya Jangka serta Kreativiti sebagai ciri utama untuk menggalakkan para penulis menerokai pelbagai idea, termasuklah tentang reka bentuk urban, masa depan dunia

pekerjaan, penyatuan sosial dan kesejahteraan komuniti. Cerita harus ditulis berlatarbelakangkan Malaysia dan munasabah. 25 hadiah berbentuk wang tunai disediakan kepada pemenang dalam dua kategori iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Respon yang diterima sangat memberangsangkan. Pihak kami menerima hampir 700 penyertaan dalam pelbagai genre, dari cinta ke fiksyen sains, dari distopia ke utopia. Ada kisah tentang kehilangan orang tersayang kerana virus, kisah keluarga yang terpisah dan dihubungkan melalui transmisi holografik, atau pertemuan menerusi mesin masa. Ada cerita tentang peristiwa yang berlaku selepas penyebaran virus ini. Tidak kurang yang menyebut tentang dron, robot, vaksin, petugas barisan hadapan dan penghantar makanan yang baik hati.

Selain daripada mencungkil bakat penulisan, pihak penganjur mengharapkan pertandingan ini telah berjaya mencetuskan idea baru pada semua yang telah menyumbangkan karya masing-masing. Pentingnya cetusan idea demi masa depan ini adalah untuk pembangunan modal insan pada masa akan datang. Kami juga mengharapkan antologi ini turut akan menyentuh emosi, memberi manfaat serta menjadi sumber inspirasi pada para pembaca sekalian.

Pertandingan KISAH Futures ini dibiayai oleh UNDP Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam.

TEMPAT PERTAMA



APA KHABAR DUNIA?

KHASRUL HANIF HAZIRIN BIN MOHD YUSOF

Tenang aku duduk bersandar di atas kerusi kegemaranku. Menghirup udara segar menghadap vista gunung-ganang dan ribuan pepohon hijau. Sese kali aku meneguk kopi panas kegemaranku. Sedang asyik menikmati pemandangan itu, isteri tercinta menyapa dari belakang.

“Amboi relax nya laki saya hari ni,” ujarnya sambil menyerahkan sekeping kertas pintar kepadaku. “Nah, anak bongsu kita hantar ni.”

Aku menekan butang PLAY di atas permukaan kertas tersebut, langsung ia memainkan video anak bongsuku dan keluarganya yang sedang bercuti di Jepun. Tersenyum aku melihat telatah anak dan cucu kesayangan bermain salji berlatar belakangkan Gunung Fuji.

“Seronok ya budak-budak ni main salji. Teringat zaman kita muda dulu, awak asyik tergolek bila main ski!” Geli hati aku teringat pengalaman manis aku dan isteri 30 tahun dahulu. Ketika kami baru berumur awal 20-an. Ketika kami baru berkahwin.

Ketika virus Korona masih rakus membadai Bumi. Dan ketika itu manusia mula memecah limitasi sains dan mula bereksperimentasi dengan perkara di luar kotak bagi mengalahkan musuh dunia pada ketika itu.

“Na, kedai Ayob buka tak hari ni?”

“Buka kot. Kenapa bang?”

“Saya ingat petang sikit nak beli oksigen lah. Malam tadi saya periksa tinggal lagi dua bar je.”



Sesudah solat Asar berjemaah di masjid berdekatan, aku bergerak menuju kedai Ayob. Menaiki motosikal lama aku, Proton CyberX keluaran tahun 2031. Walaupun agak uzur, ia masih mampu terapung agak tinggi. Kelajuannya juga masih mantap. Sekurang-kurangnya aku tidak perlu berjalan kaki.

Kehadiranku disambut baik oleh tuan kedai, Ayob, dengan senyuman lebar dan telapak tangan kanan yang ditekap ke dada kirinya sebagai simbol selamat datang. Kedai Ayob dahulu sebenarnya merupakan sebuah warung di tepi jalan. Di sini tempat aku dan rakan-rakan seperjuangan selalu melepak dulu. Walaupun sudah jarang aku singgah, sesekali seronok juga bertemu kawan-kawan lama di sini walaupun majoriti kawan-kawan aku dah tiada.

“Oksigen ada stok tak Yob?” soalku kepada Ayob sambil ukir senyuman mesra.

“Ada bang. Nak berapa liter?”

“Macam biasa lah, 17 ribu liter. Bagi dua set ya. Lagi satu untuk bini aku.”

“Baik bang. Kejap lagi saya hantar runner buat penghantaran ke rumah abang ya.”

Mata aku tiba-tiba tertarik kepada seorang pelanggan Ayob yang sedang duduk di sudut kedai ditemani secawan teh tarik di atas mejanya. Dia sedang asyik menekan-nekan jam hologram pintarnya. Tanpa ragu-ragu aku menuju ke arah lelaki tersebut. Susuk tubuhnya yang gempal ni memang aku kenal sangat.

“Assalamualaikum Wak!” aku menyapa. Salamku dijawab mesra oleh Sunario, atau lebih mesra dipanggil Wak. Wak juga penduduk asal kampung ini. Seorang arkitek pencen. Banyak juga jasa dia di kampung ni. Dialah yang mula-mula memperkenalkan jambatan terapung di Sungai Pahang, tak berapa jauh dari warung ini.

“Khusyuk betul kau main gadget tu. Banyak kerja ke?” soalku.

“Bukan lah. Aku tengah tengok jantung baru kat kedai online ni. Jantung aku pakai ni dah lama. Dah hampir tamat tempoh,” ujar Wak.

Aku hanya mengangguk. Jantung sekarang tidaklah mahal seperti dahulu. Ada juga model baharu yang lebih canggih. Aku teringat kali pertama saintis mencipta jantung mekatronik menggantikan jantung pesakit virus Korona 25 tahun dahulu. Ketika itu dunia menemui nafas baharu bagi mengatasi virus puaka itu. Jantung mekatronik yang tahan lasak dan sukar dijangkiti sebarang virus. Jantung jenis sama yang telah menyelamatkan

nyawa aku dan isteri aku ketika kami sudah di penghujung hayat akibat COVID-19 pada tahun 2029.

Satu jam juga aku bersembang dengan Wak di Warung Ayob ini. Hari pun semakin gelap. Aku meminta diri untuk pulang ke rumah. Belum sempat aku menghidupkan enjin motosikal, kepalaku tiba-tiba rasa berat. Pandanganku kabur. Badan terasa sangat lemah. Nafas aku sesak. Aku rebah serta merta di tempat aku berdiri. Segalanya gelap.



“Abang dah bangun?” suara lembut isteri tercinta bergema dalam telinga aku. Bingkas mataku terbuka terbeliak. Cuak sebentar dengan apa yang terjadi. Aku tergamam. Kelihatan isteriku duduk di sebelah kananku, dalam bilik tidur kami. Senyuman lega bercampur syukur terukir di bibir isteriku. Aku masih pening.

“Oksigen abang habis. Nasib baik Ayob sempat masukkan oksigen baharu dalam jantung abang. Kalau tidak, tak tahu lah apa akan jadi,” isteriku mengomel.

Mujur aku sempat diselamatkan. Silap aku kerana tersalah baca bacaan meter oksigen pada jantung aku. Aku bersyukur kerana nyawaku masih panjang. Aku bersyukur aku masih mampu tatap dunia lagi. Aku bersyukur aku masih lagi mampu bernafas dan bertanya soalan kegemaranku kepada isteri.

“Apa khabar dunia?”

TEMPAT KEDUA



SIMPAN DULU TERIMA KASIHMU

SHAFIZAH BINTI MOHD ZANGI

2040

“Sungguh kamu mahu ke sana, Umar?”

Hanya senyuman yang dibalas pemuda itu.

“Semoga Tuhan sentiasa bersamamu, Umar. Ikut arahan yang diberi. Sentiasa pakai pelitup muka. Kerap basuh tanganmu. Jaga jarakmu dengan orang di sekeliling.” Datuk kepada Umar memberi pesanan sebelum Umar memulakan perjalanan merentas masa kembali ke tahun 2020.

“InsyaAllah, Datuk. Doakan Umar selamat pergi dan selamat kembali. Umar akan berusaha membantu datuk di sana nanti. Moga natijahnya buat kita pada masa ini lebih baik daripada sekarang.”

Segaris senyuman terukir di bibir tua itu.

“Dengan nama-Mu Tuhan Semesta Alam, pemilik masa kini, masa lepas dan masa akan datang.”

Lafaz itu menjadi pemula perjalanan Umar merentas masa untuk kembali ke tahun 2020.



2020

Umar kini berada di dalam sebuah bilik khas yang dilengkapi pelbagai kelengkapan mesin. Ada beberapa buah mesin yang sudah dikenalnya kerana masih ada di bilik kerja datuknya.

Tiba-tiba, pintu bilik tersebut terbuka. Dua orang lelaki berpakaian kot makmal putih masuk sambil berbalah mengenai suatu isu.

“Tak boleh, Hisham. Kita belum tahu tahap radiasinya. Lagipun, dengan suasana kritikal sekarang, daripada mana kau hendak dapatkan bajet untuk jalankan kajian tu?” lelaki bertubuh rendang dan berkulit sawo matang memberikan pendapatnya.

Lelaki yang dipanggil Hisham tadi hanya mendiamkan diri. Umar kenal benar dengan sikap lelaki ini yang sering berdiam diri apabila sedang berfikir dalam-dalam.

“Aku tak berani ambil risikonya, Hisham. Keadaan kita sangat tidak stabil sekarang. Lihat sahaja ekonomi negara kita, merudum teruk. Tak perlu cakap isu politik. Merisaukan kita sebagai rakyat marhaen. Aku minta maaf, Hisham. Aku tak dapat nak bantu kau kali ini.” Lelaki itu menamatkan bicaranya sebelum meninggalkan lelaki bertubuh tinggi sendirian di dalam bilik tersebut.

Datuk Hisham terduduk di kerusi kerjanya. Dipusingkan kerusinya ke sebelah kanan menghadap jendela yang luas. Terbentang pemandangan langit biru cerah di hadapannya. Natijah daripada ‘terkurungnya’ manusia hari ini di dalam rumah masing-masing akibat tersebarnya virus COVID-19. Namun, selepas dia terlihat seorang pemuda berdiri di sebelah jendela tersebut, jelas terlihat riak wajah terkejut di mukanya.

“Kamu siapa? Apa yang kamu buat di bilik saya?” soalnya.

“Maafkan saya, Datuk. Saya Umar, pembantu makmal di sini. Saya masuk ke sini untuk letakkan beberapa dokumen berkaitan data kajian yang Datuk jalankan. Saya tak bermaksud untuk curi dengar perbualan Datuk dengan Dr. Kamal sebentar tadi,” tenang Umar membalas pertanyaan lelaki bertubuh tinggi itu.

Keluhan kecil dilepaskan oleh lelaki itu. Lama dia merenung pemuda di hadapannya.

“Nama kamu seperti nama cucu saya. Sudah lama saya tidak bertemu dengan dia memandangkan perintah kawalan pergerakan masih berjalan,” katanya sambil memandang sayu kepada Umar.

Umar membalas pandangan lelaki itu dengan segaris senyuman nipis.

“Kamu rasa cadangan saya mengenai penggunaan sinar Krypton sebagai alat penjaga jarak antara manusia membahayakan kitakah? Saya tahu kajian ini masih di peringkat awal dan pastinya punya kesan sampingan. Cuma, untuk tidak mengendahkan langsung kebarangkalian bahawa kajian ini punya peluang kejayaan yang tinggi buatkan saya berasa serba salah untuk meneruskannya,” luah Datuk Hisham perlahan.

“Datuk, saya pasti datuk telah lakukan pembacaan yang terperinci mengenai hal ini. Malah, selama saya mengenali Datuk, saya tahu Datuk pasti akan berhati-hati menyatakan pendapat dan cadangan Datuk kepada khalayak. Saya pasti Datuk telah buat penelitian yang mendalam mengenai alat menjaga jarak antara manusia ini dengan menggunakan sinar Krypton. Saya sebagai orang awam yang sering memerhatikan keletah orang di sekeliling saya. Alat yang bakal datuk hasilkan ini sangat membantu orang seperti kami yang suka bersosial dan berjumpa dengan manusia lain. Bukankah Tuhan telah menciptakan kita manusia sebagai makhluk sosial yang bergantung hidupnya antara satu sama lain? Mana mungkin kita pisahkan unsur ini daripada diri kita, Datuk,” panjang lebar Umar membalas luahan lelaki di hadapannya itu.

Lama lelaki itu merenungnya sebelum memberikan senyuman penuh bermakna kepada Umar.

“Ya, Tuhan menciptakan kita sebagai makhluk sosial. Terima kasih, Umar. Saya suka dengan pendapat kamu. Dan tak perlu panggil saya Datuk,” balas lelaki tersebut sambil terus tersenyum.

“Teruskan usahanya, Datuk. Insya Allah, Tuhan sentiasa bersama Datuk dalam usaha membantu manusia sejagat,” kata Umar sebelum berjalan menuju ke arah pintu bilik tersebut. Kemudian, dia menoleh kembali.

“Oh, simpan dulu terima kasihnya, datuk. Saya panggil ‘Datuk’ bukan kerana gelarannya tetapi kerana datuk memang datuk saya,” ujar Umar sebelum terus beredar, meninggalkan lelaki separuh abad itu dengan seribu tanda tanya.

TEMPAT KETIGA



HIKMAH DI SEBALIK MUSIBAH

MOHAMED AFIQ AMANI BIN MOHAMED NAHDIRSHA

Namaku Seroja. Aku anak Orang Asli suku Batek yang tinggal di tebing Sungai Tembeling. Tenang dan mendamaikan, sama seperti 20 tahun yang lalu. Datuk aku seorang Tok Batin yang sangat dihormati. Patriotik dan begitu berbangga dengan darah Orang Asli yang mengalir di dalam tubuhnya. Keadaan di sini tidak lagi seperti dulu. Sudah maju dan jauh ke depan. Serba-serbi canggih dan cukup lengkap. Setanding dengan kehidupan di ibu kota. Paling menakjubkan, khazanah flora dan fauna masih kekal terpelihara. Tidak lagi disentuh pencemaran mahupun pembalakan haram.

“Tak lapar?” sapa Tok yang menjengah masuk ke ruang kamar sambil ditemani pembantu setia, Jinggo. Berkerdip-kerdip matanya memandang aku. Jinggo ini unik. Robot ini memiliki kemampuan mengenali wajah manusia dan mempunyai kecerdasan buatan melangkaui sepuluh tahun ke depan. Jinggo merupakan pelaburan Tok untuk membantu membangunkan perusahaan nanasnya.

“Lapar tapi kerja tak habis lagi. Lepas habis kerja ni kita makan tau,” jawab aku selamba sambil jari-jemari ligat menyentuh layar sentuh hologram. Pertanian pintar yang diusahakan menggunakan satelit, dron, kecerdasan buatan (AI) dan perisian ramalan cuaca banyak menyumbang kepada produktiviti tanaman nanas. Revolusi teknologi yang luar biasa ini tidak memerlukan aku untuk turun ke ladang.

“Jinggo, pergi stor nanas, ambil semua kotak susun kat depan pondok. Kejap lagi kurier nak datang ambil,” Tok memberi arahan. Nanas yang dikutip pagi tadi akan dihantar kepada pemborong secepat yang mungkin bagi memenuhi permintaan yang semakin tinggi. Jinggo mengangguk tanda faham lantas berlalu pergi.

“Seroja, Tok rasa kita kena tambah jumlah kincir angin lagi. Ladang kita semakin luas dan perlukan kuantiti air yang banyak.” Ternyata langkah yang diambil kerajaan untuk mengurangkan impak kejatuhan harga minyak suatu ketika dahulu adalah langkah yang tepat. Tenaga angin berjaya menyumbang kepada ekonomi negara berasaskan pertanian.

“Tak apa Tok. Nanti Seroja bincang dengan Putera. Kita boleh minta mereka datang dan tambah lagi.”

Putera salah seorang anak Orang Asli Suku Batek yang pulang ke tanah air setelah menamatkan pengajian di Belanda dan mengusahakan kedai kincir angin. Ramai anak muda yang menganggur diambil bekerja di kedainya.

“Kalau boleh cepat lagi bagus. Jangan lengahkan. Tok risau nanti musim hujan air melimpah tak sempat nak kering,” Tok meluahkan rasa bimbangannya. Mungkin pengalaman lepas

mengajarnya untuk lebih berhati-hati. Kincir angin mampu melancarkan sistem perparitan tetapi perlu dilakukan dengan cara yang tersusun dan sistematis.

“Okay Tok. Jangan risau ya. Sekarang ni Putera tengah sibuk sikit uruskan kilang kincir angin yang baru nak buka tu. Seroja dengar ramai pelabur luar yang melabur. Nampaknya, peluang pekerjaan semakin bertambah kan?” ujarku dengan rasa bangga. Pencapaian Putera bukan biasa-biasa. Krisis COVID-19 benar-benar mengubah dunia 360 darjah.

“Ni lah hikmah bencana COVID-19. Kejatuhan kuasa Amerika Syarikat dan kebangkitan negara-negara baru sebagai kuasa besar membuka mata dunia bahawa kita tak selama-lamanya berada di bawah. Hanya masa yang menentukan,” semangat Tok mengatur bicara. Ada benarnya juga kata-kata Tok. Sejak krisis COVID-19, negara maju seperti Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom, Itali dan Sepanyol gagal menangani pandemik berkenaan sehingga menyebabkan ekonomi mereka lumpuh.

“Mujur negara kita cepat bertindak. Sekarang ni pertanian dah jadi nadi utama ekonomi negara. Insentif yang berterusan untuk bangunkan generasi petani milenium dan digital sebenarnya tak sia-sia. Kita mampu melahirkan usahawan pertanian digital yang berdaya saing,” aku meneruskan bicara. Tok mengangguk sambil menguntum senyum. Aku amat kagum dengan usaha kerajaan mengurangkan kadar pengangguran ketika krisis COVID-19 melanda dengan menggalakkan penglibatan generasi Z memodenkan sektor pertanian pintar secara kreatif.

“Tok bangga dengan Seroja dan Putera. Pembabitan generasi milenium dan digital macam kamu berdua kunci kejayaan Malaysia meningkatkan nilai tambah dan daya saing produk pertanian. Kalau tak ada generasi kamu, generasi Tok pun tak akan ke mana-mana. Mungkin tenggelam di bawa arus COVID-19.” Tok menepuk manja bahu. Tok insan yang amat aku sanjung. Pembakar semangatku untuk terus mengharumkan nama suku Batek ke mata dunia, sekali gus menepis diskriminasi dan merapatkan jurang persepsi.

“Tok... kita saling melengkapi. Tanpa Tok, Seroja tak mampu nak ubah hidup kita macam hari ni. Walaupun kita dulu selalu didiskriminasi tapi kita dah berjaya buktikan yang kita boleh memberi manfaat pada masyarakat.”

Jauh di lubuk hati paling dalam aku bersyukur kerana tidak semua musibah membuatkan manusia rebah tapi ada musibah yang mendatangkan hikmah.

Bunyi hon dari luar mengejutkan kami berdua. Lori kurier elektrik (EV) nampaknya sudah sampai. Masing-masing bergegas ke luar untuk memastikan urusan penghantaran nanas berjalan dengan lancar.



DARI SEBUAH PANDEMIK
KE ANGKASA RAYA
RAFIDAH ABU NASIR

Syukurlah, Mak dan Abah sihat di Ulu Dedap Country Homes. Bahagia mendapat khabar mereka mampu menjalani kehidupan hari tua mereka dengan sempurna. Walaupun Aidil perlu berulang-alik antara rumah mereka serta komitmen kerjanya yang memerlukan perjalanan jarak jauh, dia bersyukur kerana kedua ibu bapanya masih sihat. Tidak pernah terlintas di fikiran Aidil kehidupan akan menjadi lebih baik selepas berlakunya pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia suatu ketika dahulu.

Ketika Aidil berumur 9 tahun, tiba-tiba Mak dan Abah memberitahu mereka empat beradik tidak perlu pergi ke sekolah. Semua orang perlu duduk di rumah untuk membendung penularan wabak COVID-19 ini. Apabila pergerakan terbatas, barang keperluan rumah perlu dijimatkan, dan aktiviti sosial serta hubungan fizikal dengan dunia luar dihentikan. Sekelip mata semuanya berubah dengan Perintah Kawalan Pergerakan.

Ketika itu juga Aidil terbaca kajian Mak tentang topik kelestarian pemprosesan makanan yang turut diaplikasikan ke dalam keluarga mereka. Keperluan perbelanjaan rumah terarah

kepada bagaimana mahu mengurangkan pembaziran dan jika perlu dibuang, mereka akan mengasingkan sampah berkenaan untuk penghasilan baja organik. Seterusnya jenis makanan yang dipilih perlu menjurus kepada produk tempatan yang lebih mesra alam seperti produk tempatan yang memberi kesan rumah hijau lebih rendah berbanding produk luar negara. Menurut Mak lagi, produk tempatan membantu meningkatkan ekonomi mereka yang berhampiran. Selain itu, amalan membeli barangan rumah juga berubah. Mak dan Abah semakin kerap membeli secara atas talian. Setiap hari pasti ada barangan dihantar sampai ke rumah, termasuklah ayam dan ikan. Semenjak itu, Aidil mula memikirkan, bagaimanakah kehidupan manusia menjelang 2050?

Hari ini, Aidil menjadi saksi bahawa, setiap musibah itu akan datang dengan kebaikan. Apabila amalan norma baharu dilazimkan, manusia mampu meneroka lebih banyak peluang. Selepas beberapa tahun COVID-19 menggemparkan ekonomi dan sosial masyarakat dunia, penciptaan dron yang boleh membuat penghantaran semakin berkembang maju. Contohnya, penghantaran barangan yang beratnya kurang 10 kilogram dapat dilakukan dengan lebih pantas ketika itu. Malah lebih baik lagi, tiada lagi berita mengenai kemalangan oleh pemandu-pemandu yang sebelum ini melakukan sendiri penghantaran tersebut.

Selain pembangunan logistik dan penghantaran barangan, kemajuan pertanian dan teknologi makanan semakin drastik. Aidil masih ingat ketika Mak berbicara tentang isu jaminan makanan negara. Menurut Mak, walaupun industri makanan mampu menghasilkan berjuta tan makanan sehari, tetapi masih

ramai penduduk negara yang terjejas dengan isu kelaparan. Sukar mendapatkan bekalan makanan yang mempunyai empat ciri utama iaitu kesediaan, kebolehcapaian, kestabilan dan keselamatan. Pelbagai usaha pembangunan dan inovasi dilakukan oleh pelbagai pihak. Hasilnya hari ini, Aidil merupakan salah seorang pengguna yang memiliki sebuah mesin i-GroMyOwn yang mampu mengeluarkan hasil tanaman kontan dalam masa seminggu sahaja.

Aidil tersenyum apabila teringat kegembiraan Mak bercerita mengenai buah tembikai yang ditanam menggunakan mesin tersebut, berbuah dalam tempoh yang singkat dan hasilnya yang lazat. Mak juga keriang mengagihkan sayuran-sayuran yang ditanam ke rumah-rumah kebajikan sekitar Ulu Dedap menggunakan khidmat dron yang sudah didaftarkan khas untuk keperluan mereka. Ya, kebahagiaan seorang anak adalah membahagiakan orang tua mereka walaupun perlu bekerja di kejauhan. Walaupun mereka kini berusia 70-an, mereka mampu menguruskan diri sendiri di kampung halaman dengan bantuan robot i-Maid yang boleh melakukan pelbagai kerja disamping mengesan tahap kesihatan dan emosi mereka seharian.

Aidil dan adik-beradik pernah dilanda kerisauan ketika kadar tekanan mental masyarakat meningkat selepas pandemik. Namun galakan bekerja dari rumah ketika itu, mewujudkan suatu nilai kekeluargaan yang erat dalam keluarga mereka. Jika dahulu Aiman tinggal di asrama, sewaktu perintah kawalan pergerakan mereka membina ikatan abang dan adik yang semakin erat. Semestinya

mereka akan bergaduh dan bertengkar, tetapi selepas itu, mereka lebih menghargai kasih-sayang sebuah keluarga yang harmoni.

Kini mereka sudah mempunyai kehidupan sendiri. Aiman yang mahir dalam bidang elektrik menjadi pembekal sistem solar dan dandang pembakar sampah yang kemudiannya mampu menjana tenaga elektrik untuk keperluan domestik. Amina satu-satunya anak perempuan, telah mendapat pengiktirafan sebagai pakar sakit puan yang mampu mengendalikan kelahiran jarak jauh menggunakan teknologi Artificial Intelligence yang diterokainya. Airil Rafiq selaku anak bongsu, memilih untuk menjadi ejen kepada bakat-bakat kemanusiaan yang kian pupus akibat kemajuan, dengan cara mengetengahkan bakat-bakat ini bagi memenuhi keperluan jiwa manusia kepada sentuhan kemanusiaan. Begitulah kisah keluarga kecil kami, yang penuh liku, tetapi kami bahagia dengan cara kami.

“Kapten Aidil, kapal angkasa kita sudah bersedia untuk perjalanan ke planet Marikh.”

Ya, Aidil kini merupakan juruterbang kapal angkasa yang membawa manusia melancong ke planet-planet yang telah diterokai sejak beberapa tahun yang lalu.



VIRUS YANG
MEMBUNUH KENANGAN
RAFAAD BIN ROSLAN

Terhempas; dalam pudar ingatan, lemas dalam rindu. Rasanya sudah lebih 20 tahun dompetku bersawang. 30 tahun lagi mungkin kewujudan kantung ini akan dilupakan terus, yang tinggal dari saki baki Dunia Lama cuma beberapa helaian nota, yang kini statusnya jenayah, Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu tentang Undang-Undang Alat Bayar Sah (UNCLOLT) 25 tahun lepas yang jadi dalang. Selepas beberapa tahun dunia dilanda pandemik COVID-19, akhirnya para saintis telah menemui punca utama penyebaran jangkitan yang semakin pantas dan membarah; wang.

Pertukaran wang dari tangan ke tangan, menggalakkan sentuhan berfrekuensi tinggi, dari kaunter bank, ke dompet-dompet aristokrat, meja-meja makan, sehingga jatuh ke tangan-tangan polos anak kecil. Kitarannya merisaukan. Pada awalnya nota-nota dagang ini belum diharamkan lagi, cuma di corong-corong berita penuh dengan saranan untuk berpindah kepada e-dompet dan mata wang kripto, tetapi jumlah kes keseluruhan sudah mencecah angka 125 juta orang, lalu termeterailah konvensyen yang mengharamkan penggunaan wang fizikal.

Aku cukup rindu dunia dengan wang, pernah juga bermimpi untuk berenang dalam nota-nota; semestinya di dalam tab mandi seramik. Aroma dari gajian pertama aku juga masih segar dalam ingatan, harumnya masih lekat pada deria bau, masih teringat akan nozel petrol, kenderaan yang buru-buru datang dan ya, juga orang-orang yang menggoncang kereta bagi memberi ruang untuk lebih banyak petrol masuk ke dalam tangki. Cermat.

Ia pernah aku lempar, aku selit, aku simpan; helai demi helai jadi kenangan. Dari wang juga aku belajar mencongak. Kerana manusia fitrahnya lahir dengan kecuaiian, lagi-lagi yang culas memulangkan wang baki, jika tidak kerana ilmu congak, pasti aku terus rugi, bukan?

Pasti. Sekarang dunia telah bermigrasi, wang cuma angka-angka pada telefon pintar, baki yang dipulangkan juga tepat, kiraannya robotik, tiada lagi ruang untuk kesalahan.

“Semuanya 0.00000245 Bitcoin, sila scan di sini Encik.”

Ringgit kini cuma bekas teman wanita yang tidak pernah dapat aku lupakan, terlampau banyak kenangan yang tidak sanggup dikuburkan. Ia bukan lagi lambang kuasa dan tidak lagi identik dengan mana-mana ras atau negeri. Tiada lagi Dollar Amerika yang garang, Paun Sterling yang menyelimuti matahari pagi, yang tinggal hanya angka dalam mata wang antara bangsa, serta syiling-syiling kripto. Lucu sekali, syiling-syiling hampir menjadi komoditi yang akan terbiar lupus suatu masa dahulu, fungsinya hanya pada mesin-mesin air dan sekadar pembulat wang baki. Sekarang dunia sudah ditakluki syiling, Bitcoin, Litecoin, Ripple coin, semua syiling-syiling gergasi!

Dua generasi selepas Generasi Alfa, terlahir sebuah generasi yang tidak pernah bersentuhan dengan wang, Generasi Tanpa Tunai atau Cashless Generation. Terlampau banyak kisah yang ada dalam simpananku tidak dapat diceritakan secara sempurna kepada generasi ini.

Aktiviti menukar wang sebelum ke negara seberang? Pasti aku akan diketawakan. Lawak antara bangsa.

Koleksi mata wangku yang terkunci dalam peti besi di rumah? Ia jenayah.

Kes ragut di jalanan? Gasar sekali Dunia Lama!

Tapi mungkin, di situ sebenarnya kebejatan wang jelas terlihat; jenayah. Terlalu besar kategori jenayah yang melibatkan wang, hingga beratus cabang. Yang nyata sejak Konvensyen UNCLOLT termeterai pada tahun 2025, peratusan jenayah melibatkan wang, pengubahan wang haram dan lain-lain, sudah terhenti. Ia telah terhenti secara total, institusi perbankan semakin kaya raya, kerana mereka tidak lagi perlukan infrastruktur fizikal, semuanya di atas awan.

Mungkin aku sedang sugul atau hanya bersenggama dengan rindu, nota-nota simpananku sebulan sekali akan aku keluarkan dari peti besi, dibelek, dikendong ibarat mendodoi bayi. Walau dalam rumah sendiri, matakku sentiasa bersedia dan berhati-hati; kerana mungkin ada mata-mata yang iri. Tapi itu sahaja sudah mencukupi buat melepas rindu, sekurang-kurangnya aku punya simpanan. Yang Dia bunuh bukan sahaja manusia, malah kenangan!

“Encik, maafkan saya, Encik mahu menambah bekalan oksigen atau semuanya sudah cukup untuk hari ini?”

Oh, maaf. Aku terlupa satu hal yang lebih penting dari wang, oksigen yang selama ini percuma; kini dijual beli!



LULUHNYA BUNGA CEMPAKA

SYAIMA' MOHD NOOR

Bunga di tepi katil itu dilirik. *Satu... dua...* bilang Cempaka di dalam hatinya. Keluhan yang panjang dilepaskan.

Masanya sudah tiba. Tujuh kelopak bunga itu bakal luruh semuanya. Dan Cempaka tahu ia tidak akan bakal mengambil masa yang lama. Cempaka sudah bersedia.

“Cempaka...” namanya dipanggil. Susuk tua yang berdiri di pintu itu ditenung penuh kasih. Kedut tuanya sudah kelihatan, masih kekal kuat dan tabah juga wanita itu.

“Ibu... ibu kenapa tidak tidur lagi?” Baringnya di katil itu dibiarkan. Tubuhnya seolah bersatu dengan tilamnya, tidak pernah berpisah dan dibiarkan berjauhan.

“Ibu rindu sama kamu,” suara serak ibunya bagai memeluk dan memujuk dirinya. Perlahan-lahan wanita itu datang mendekati katil, mahu ditatap wajah anak perempuannya itu. Penjarakan sosial antara mereka sudah tidak lagi diendahkan. ‘Ah, aku ini ibu kamu!’ telah menjadi zikir buat ibu, diulang setiap kali Cempaka mahu menyoal perbuatannya.

Dua kelopak bunga yang jatuh di atas meja itu dikutip ibu. Disimpan elok-elok di dalam koceknnya. Hatinya sebak. Sudah lima kelopak jatuh sejak dua hari lepas. Dia dan Cempaka mengerti apa ertinya setiap kelopak bunga itu.

“Sudah lima pelupuk jatuh ya?” soalan retorik itu dilontarkan, hanya mahu mengisi sunyi yang bingit itu.

“Iya... adik-adik sudah tidur, ibu?” Cempaka menukar tajuk perbualan, tidak mahu dipanjangkan soal matinya. Sejak kecil bunga itu menjadi simbol hidupnya, bagai sebuah layar perak khas untuk dirinya sendiri. Gembira dia, maka mekarlah bunga itu dan jika terpalit sedikit kesedihan, kuntum itu akan turut merasa layu.

Kini ia gugur, dan itu tanda mati buatnya.



Virus membunuh itu sudah terlalu lama bermaharajalela. Sudah dua tahun dan masih juga ia mencengkam setiap pelosok negara itu. Pusat-pusat kesihatan tidak lagi mampu menampung kebanjiran pesakit lalu warga miskin dan tidak punya apa seperti Cempaka dibiarkan dan ditindas di rumah, dilepas merawat sakitnya sendiri.

“Sudah, masih lagi mereka berharap mahu berjumpa kamu. Sudah lebih tiga minggu, Cempaka...” bergetar suara ibunya, menahan air mata yang bakal tumpah seperti empangan pecah. Tangan kasarnya mengusap jari-jari Cempaka, bagai mahu mengambil sakit anaknya itu.

“Tidak mahu Cempaka membiarkan mereka mendekati. Sakit ini bukan buat Ihsan dan Hakim, Cempaka tidak ingin membiarkan mereka turut sengsara.” Tangan ibunya diletak di paha, digenggam minta pengertian.

Tekaknya terasa perit, seolah digosok dengan kertas pasir.

“Duit hasil pemberian kerajaan itu ibu simpanlah. Mana tahu suatu hari nanti sekolah mula dibuka semula, hantarlah Ihsan dan Hakim. Pasti mereka gembira,” sambung Cempaka tersenyum-senyum membayangkan adiknya bermain dan bergurau-senda, sesuatu yang tidak mampu Cempaka kecapai.

Air mata ibunya sudah tidak tertahan-tahan. Habis tertumpah di baju kurung lusuhnya. Mendengar anaknya Cempaka berbicara tentang taman ilmu bagai merobek hati tuanya. Orang-orang besar di luar sana, hidup penuh emas dan kemewahan. Berbantal dan bertilamkan wang, penyakit merebak seperti ini bagaikan cubitan kecil di paha mereka sahaja. Bisa diendahkan, bisa dihirau dan diteruskan hidup seperti biasa.

Sekuntum kelopak jatuh lagi. Tangisan ibu yang tadi hanya esak kecil mula bertukar menjadi teriak. Masanya sudah cukup dekat. Cempaka turut menangis, memahami semua ini sudah menjadi takdirnya. Takdir anak miskin tersesat di dunia bangunan-bangunan tinggi dan orang besar menghitung nasib emas mereka.

“Maafkan Cempaka, ibu. Maafkan Cempaka...”

Jatuh lagi sekelopak bunga, bunga itu sudah togel. Tidak lagi punya warna merah lambang kehidupan seorang Cempaka.

Dada Cempaka yang berombak laju hasil tangisnya mula berirama perlahan sehingga akhirnya tidak ada lagi nafas yang

tinggal buat Cempaka di dunia ini. 16 tahun hidupnya dirampas sekelip mata. Tidak lagi punya suara dan kuasa.

Lalu, matilah seorang gadis tertanam di bawah kotor-kotor harta dunia. Tidak diberi ruang dan peluang buat bersinar, hanya kerana dia gadis biasa tidak punya barang-barang berharga.



HOP

DEA MARDHIAH

Langit semakin jingga kemerah-merahan. Tawa gembira anak-anak kecil bermain mula berkurang dan suasana kian hening. Pulang sebelum senja, itu pesan arwah Mak padaku sejak kecil. Aku masih duduk di bangku besi berkarat, menghadap tasik yang berkilauan airnya dek pantulan sisa-sisa suria. Aku toleh ke kanan, seorang ibu menjerit-jerit mengejar ‘anak bertuah’nya yang masih asyik bermain dan tidak mahu reset. Di sebalik teriakan ibu itu, aku terdengar hentakan kaki segerakkan berselang-seli dengusan penuh amarah. Gendarme! Jijik. Gasang. Berbaju perisai hitam pekat. Menghalau semua residen agar reset setiap hari menjelang Maghrib. Nampaknya hari ini tidak juga sempat untuk aku berkhayal menikmati terbenamnya matahari di ufuk itu. Bingit pergerakan gendarme semakin menghampir. Esok aku akan datang lagi ke bangku ini, seperti tiap petangku.

“Hoi! Reset!” tersentak aku dengan tempikan itu. Gendarme menuju laju ke arahku namun aku tetap biarkan pandanganku ke arah indahny tasik dan langit nan merah. Aku pejam rapat mataku dan tanpa rela menekan butang reset pada jam tangan.

Aku masih duduk. Sendirian. Kakiku berpijak nyata di atas simen sejuk. Di hadapanku sebuah komputer riba di atas meja bersama kopi o yang aku bancuh sebelum aku hop ke taman tasik tadi. Aku capai cangkir itu. Sudah sejuk. Perutku ibarat mahu bertelagah pula denganku malam ini. Sudah dua hari aku tidak menjamah apa-apa kecuali kopi o. Bukan retribusi atau retaliati. Aku bosan. Bosan dengan ribuan pilihan makanan yang ada. Ironi bukan?

“Anda lapar? Kami akan menghantar ke meja makan anda dalam masa 10 minit sahaja. Langgan FoodTube sekarang.”

FoodTube. Bayar RM500.00 sebulan, tekan beberapa butang pada jam dan makanan akan dikirimkan dalam masa 10 minit. Tapi aku bosan. Bosan kerana aku tahu apa yang ramai tidak tahu. Kendatipun, aku tewas malam ini. Aku lapar. Tidak. Perutku yang tumpas dalam perjuangan ini. Aku tekan pilihan makanan pertama yang muncul di muka jamku. Tidak terlalu ambil pusing kerana apa juga pilihanku, tidak akan membawa apa-apa perbezaan.

Aku berjalan ke balkoni. Benar-benar terang langit malam ini. Selerakan bintang seluas mata memandang. Rumpun dan lalang di lobi flat semakin meluaskan penaklukan mereka. Pokok-pokok besar merimbun di hujung jalan menuju ke kaki bukit. Sepuluh tahun dulu, aku dan teman-teman yang juga residen flat ini, riang memanjat bukit itu sebelum subuh untuk melihat terbitnya matahari. Di situ kami menikmati indahnya alam Tuhan dan di situ jugalah terpalit memori hitam saat Shiba mula hilang nafas dan dikejarkan ke hospital. Shiba disahkan positif COVID-19. Lama Shiba dikuarantin dan cuba dipulihkan, namun Shiba tetap pergi.

Banyak komplikasi. Bukit ditutup dan tiada siapa dibenarkan menghampiri kawasan itu.

“You have an incoming video call.”

Aku bergegas ke komputer ribaku. Bapak. Aku tekan Answer pada skrin komputer.

“Buat ape tu? Dah makan? Bapak order asam pedas dari FoodTube hari ni.”

Aku senyum melihat Bapak kelihatan ceria setiap malam dia menelefonku sejak sepuluh tahun dulu. Hati aku sayu. Tadi teringatkan Shiba, ini Bapak pula. Rindu. Air mata mula bergenang namun aku tahan.

Thudddd!

Aku berpaling ke meja makan. Nasi goreng kampung yang aku pesan tadi sudah sampai, dijatuhkan dari saluran serombong makanan terus ke atas meja makan di dalam setiap rumah. Suatu yang tidak ramai tahu, kecuali yang bekerja dengan FoodTube. Ribuan pilihan makanan yang diberikan sebenarnya cuma ilusi untuk mengaburi masyarakat agar menikmati makanan mereka. Padahal makanan itu semuanya sama sahaja. Sekadar segumpal hasil uji kaji makmal FoodTube. Komposisi yang telah ditetapkan protein, karbohidrat serta seratnya. FoodTube menggaji pakar nutrisi yang terbaik di nusantara bagi menghasilkan juadah yang cukup khasiatnya kepada pelanggan, yang boleh ditukar rasa dan bentuk mengikut pilihan.

“Nasi goreng kampung hari ni, pak. Baru sampai.” Aku ukir senyuman yang Bapak tahu sekadar dibuat-buat. Dia menghela nafas panjang.

“Sabar, nak. Esok kerja?”

Aku mengangguk. Esok aku kena hop ke pejabat di London. Ada mesyuarat dengan Head of Technologies di sana dan aku perlu siapkan mock up malam ini. Aku berbual dulu dengan Bapak seketika sebelum aku bangun dari kerusi dan melangkah malas ke meja makan. Jijik. Aku rindu makanan sebenar. Aku rindu berpijak di rumput segar. Aku rindu merasa hujan di mukaku. Aku rindu sentuhan manusia. Aku rindu memeluk Bapak.

Aku menjeling ke arah jam tanganku.

“Hop,” bisikku padanya.

“Where do you want to go, Dea?”

“Home. Take me home.”



VIRUS LEGENDA

ASRIZAM ESAM

Harini aku tidak perlu tergopoh-gopoh seperti selalu, seiring suasana redup awan hitam nipis mendamai pagi langit Batu Pahat ini. Barang yang diidam sejak berminggu lalu telah tersemat di dakapan. Buah beri popolo Hawaii ini pasti akan melengkapkan ubat vaksin aku kali ini. Sirih cina yang telah lama tidak dipandang, kini pasti akan melonjak harganya nanti. Khasiatnya dari dulu telah diketahui namun modenisasi telah menenggelamkanmu. Mujur kaedah dekoponik masih memeliharaku dari wajah kepupusan.

Sekotak uncang putih terletak kemas di jendela tepi. Walaupun berada di tingkat 7, tidak gusar hatiku andai uncang ini terjatuh dari bibir jendela, terjelepok jatuh ke bawah. Ruangan tempat barang hantaran ini tidakkan pernah culas dalam memastikan setiap baranganku selamat diterima. Terima kasih buat dedikasi dron Postolaju, selepas beribu kali aduanku sampai ke cakera pemprosesan indukmu, kini kau mampu berkhidmat dengan lebih laju.

Aku harap dron itu tak terlepas lalu terowong penyahcemar sebelum ia memegang uncang hantaranku. Mujur Dato Bandar

Batu Pahat lebih cepat menjerkah Ketua Majlis Bandaran Parit Sulong untuk memperbaiki terowong vaksin yang rosak ditimpa serpihan dron yang meletup hujung minggu lalu. Kalau tidak, habis semua dron menuju ke Separap tidak dinyahcemar, takut mengundang bahaya yang lain pula nanti.

Uncang yang kalis api itu segera kubuka. Terujanya aku melihat beri popolo idaman sejak 2 minggu dahulu. Segera kucapai kit PCR kecil ini untuk aku gabungkan dengan ekstrak sirih cina, ekstrak sel kulit popolo serta ramuan herba alami campuranku sendiri. Apakah hasilnya seperti yang aku harapkan setelah 70% *Nigella sativa* dicerakinkan di dalam kit vaksin ini? Tak sabar rasanya untuk aku uji vaksin ini. Sudah berbulan aku mencari penawar bagi virus ini, bermacam ubat dari sinseh timur ke farmasi barat telah aku telusuri, namun hasil yang dicari masih belum ditemui. Akhirnya detik yang kutunggu telah tiba, formula herba ini telah dapat aku sempurnakan. Lantas tanpa lengah segera aku suntik vaksin herba ini pada leher di bawah telinga kanan. Segera kuusap usai suntikan, buat rasa lega pada kulit yang semakin nipis. Kulit yang telah tua barangkali, lebih manja kukira. Vaksin herba ini pasti tiada mudarat, kiraku.

Jam seakan berlalu perlahan, 10 minit telah berlalu menambah resah dan gelisah. Vaksin herba ini menjadikah? Andai ada kesan sampingannya, maka 20 minit lagi akan terasa kesan kesengsaraannya. Adakah ini vaksin untuk mengubat atau herba yang semakin menyengat. Tak henti tolol otakku memikirkannya. Suhu bilik ni memang serasi sama mengikut aturan, tidak sia-sia Dato' Penghulu Separap yang beria-ia benar memasang jaring

anti-haba keliling bandar sejak 5 tahun dahulu dalam memerangi pendingin hawa hibrid yang kononnya tidak merosakkan ozon itu. Apa kapitalis itu fikir warga Separap ini tidak berotak. Percaya bulat-bulat dengan idea pemasaran kolot penjual pendingin hawa murahan itu. Mujur juga idea jaring anti-haba itu berjaya. Jimat juga duit bulananku dan yang paling penting suhu bilik ini akan memastikan ekstrak herba ini bergabung jalin dengan sempurna.

Kuimbau sebulan yang lalu, akibat daripada virus ini, seluruh badan menggeletar kesejukan. Kaki menjadi lemah tidak seperti selalu yang sentiasa ligat mengukur koridor itu. Hilang semangat ini sama seperti hilangnya upaya kaki ini. Aduhai apalah lagi, ujian-Mu Tuhan, baharu tamat serangan virus Catovid 204, kira-kira 3 tahun lalu, kini telah munculkah virus yang baharu? Adakah virus ini bermutasi setelah sekian lama memeram diri menjadi parasit dalam perumah tumpangan. Mengapakah tiba-tiba kini kau muncul kembali. Tidakkau terduga, basah menitis air mataku di luar sedar dalam aku mengelamun sepi. Segera aku katupkan pintu jendela agar tak terlalu dingin dek angin yang tiba-tiba kuat menampar pipi.

Lima belas minit telah berlalu, tanda-tanda kesan ubat ini mula kelihatan. Dan akhirnya, alhamdulillah! Aku bersyukur tidak terhingga. Hilang sengsara sebulan lamanya. Andai tidak berlaku kisah wabak COVID-19 virus legenda mengganas di Malaysia tanggal 2020 dahulu, pasti vaksin herba yang kesekian kalinya ini, tidak akan aku temui untukmu Mimit kesayanganku. Sabar ya Mimit, vaksin kucing ini pasti berkesan untuk mu. Andai kezaman kuat melangkah, pastikan kudrat menongkat izzah.

Paparan peranti hubung masih di tanggal 31 Oktober 2049, jam dua belas tengah hari. Lega aku, hari ini aku berjalan tanpa gopoh-gopoh seperti mana sejak 2 bulan yang lalu. Hatiku tenang, dan syukur dengan kehendak Tuhan. Kibaran grafik merah biru dari laser pemancar di awan itu, pasti membuat aku tenang dan kan senantiasa tersemat lambang negeri yang kekal di hati di pagi Jumaat ini.



MALAYSIA PADA TAHUN 2049;
KEPENTINGAN F _ KLON
MOHD LOQMANUL HAKIM BIN KAMARULDZAMAN

"I-News — 16 Disember 2049, Makmal Pengklonan Tumbuhan Seremban (MPTS) sesak dengan kereta yang menggunakan ruangan pandu lalu untuk menghasilkan klon tumbuhan masing-masing. Ada yang membawa beras, sayuran dan bunga hiasan. Sejak COVID -19 melanda negara 30 tahun yang lalu, saintis telah mencari pelbagai cara untuk memastikan bekalan makanan di negara ini dapat menampung keperluan masyarakat.

Kesan COVID-19 telah menyebabkan petani tidak dapat mengerjakan ladang masing-masing. Negara-negara pengeluar makanan utama dunia telah lumpuh dan menyebabkan mereka menyekat aktiviti eksport makanan. Negara-negara anggota ASEAN juga telah bersidang pada 5 Mei 2030. Antara intipati persidangan ialah setiap negara ASEAN tidak dapat membantu antara satu sama lain lagi kerana banyak negara anggota ASEAN telah lumpuh ekonomi dan diisytiharkan darurat. Malah terdapat 6 negara ASEAN telah menarik diri dan menyebabkan usaha sama politik, ekonomi dan

pelancongan telah dibatalkan. Malaysia mengambil langkah untuk memfokus kepada pengeluaran hasil pertanian melalui inovasi pengklonan makanan yang dipanggil F_klon yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.”

Usai membaca berita tersebut pada cermin mata i-Tech nya, Lukman terus menaiki NC-move, kenderaan cyborg yang digunakan secara meluas di seluruh negara sejak tahun 2032. NC-move yang membawa maksud ‘Non COVID-Move’ cyborg itulah pengangkutan Lukman ke mana-mana sahaja dengan syarat tiada gejala COVID-19 dikesan. Andai kata terdapat gejala seperti batuk, selesema ataupun suhu yang melebihi normal maka NC-move tidak akan berfungsi malah akan menghantar data kepada Pusat Kesihatan yang berhampiran untuk memberikan rawatan awal kepada pesakit. Ayah Lukman pernah bercerita tentang virus COVID-19 yang telah bermutasi dan menjadi virus yang masih tiada vaksin dan masih dikekalkan dengan nama COVID-19 untuk memperingati kejahatan virus tersebut.

Lukman menghidupkan kenderaan NC-move miliknya dan memakai ‘C-spray’, sejenis cecair penyembur hidung untuk melindungi daripada tersedut udara mengandungi virus dan bakteria. C-spray sangat berkesan kerana mampu menapis virus dengan jayanya. Inovasi ini telah dihasilkan oleh kumpulan penyelidik, Dr. Nadiah yang merupakan pensyarah di Universiti Malaya pada tahun 2033 untuk menggantikan penggunaan topeng muka yang telah membawa kesan buruk kepada alam sekitar kerana

banyak topeng muka dibuang merata-rata. Lukman memulakan perjalanan kerana ditugaskan oleh ibunya ke MPTS untuk urusan F_klon.

Di MPTS, Lukman menunggu giliran di ruangan pandu lalu. MPTS berfungsi sebagai pasar raya yang pada tahun 2019 dikenali sebagai pasar raya besar seperti Mydin, Jusco, Tesco dan sebagainya. Memandangkan virus COVID-19 tersebar dengan laju, maka semua pasar raya tersebut ditutup pada tahun 2025. Segala urusan pembelian barang dilakukan menggunakan 'Time-post' iaitu pengeposan menggunakan mesin masa. Pembeli boleh membeli apa jua jenis barang yang wujud antara tahun 2000 hingga 2080 menggunakan aplikasi Time-post yang sangat efisien dan cepat. Lukman pernah membeli baju jenama Brands Outlet keluaran 2065 sewaktu beliau berada di tahun 2043. Manakala pembelian bahan makanan dan tumbuhan dilaksanakan di MPTS.

Sampai giliran Lukman, dia menggunakan alat pengimbas mata untuk mengesahkan identiti. Kemudian Lukman memasuki ruangan F_Klon dengan memandu NC-move. Tiada urusan mengimbas suhu dilakukan kerana NC-move hanya membawa individu yang tiada gejala sahaja.

Alat F_klon yang dimaksudkan mempunyai reka bentuk seperti lampu suluh yang mempunyai ukuran panjang 17 cm. Lukman meletakkan buah tomato di ruangan 'holder' di sebelah kiri, kemudian F_klon akan dihalakan ke arah tomato tersebut. Mata Lukman diimbas sekali lagi untuk menghidupkan peranti F_klon. Imbasan mata digunapakai sepenuhnya pada tahun 2026 untuk mengelakkan tangan menyentuh sebarang objek

yang dikhuatiri ada virus COVID-19. Selepas peranti F_klon dihidupkan, satu pancaran cahaya berwarna hijau dihasilkan dan menyuluh tomato tersebut. Pancaran cahaya ini terhasil menggunakan sinaran radioaktif daripada radio-isotop yang tidak berbahaya untuk kesihatan. Dalam masa 20 saat terdapat 5 biji tomato lain dihasilkan dalam ruangan 'products' di sebelah kanan. Kemudian Lukman mengulangi langkah yang sama untuk klon kulit kayu manis dan bunga lawang kerana ibunya ingin memasak kari untuk makan malam nanti.

Dalam sistem F_klon pengguna boleh memilih untuk mendapatkan beberapa kuantiti tumbuhan yang mereka inginkan kemudian bayaran dilakukan menggunakan imbasan mata. F_klon dicipta untuk meniru DNA tumbuhan menggunakan imbasan sinaran hijau yang dipancarkan dan menghasilkan genetik tumbuhan yang sama tanpa mengubah rasa, bau, warna dan rupa buah tersebut. Teknologi F_klon telah dibenarkan oleh Jabatan Mufti yang bersidang pada 1 Jun 2035 kerana jika teknologi ini tidak dilaksanakan, bekalan sumber makanan akan terputus dan memberikan kesan kebuluran kepada masyarakat. Lukman bersyukur kerana masih dapat meneruskan kehidupan walaupun sistem pertanian konvensional sudah tidak dapat diteruskan lagi.



HAK
NUR FIRZANA ROSMAN

“Teet....Teet...”

Bunyi alat penggera menusuk tajam ke telinga, dalam keadaan mamai aku menjangkakan mungkin 2 tahun dari sekarang aku akan menjadi pekak

Ya pekak.

Seperti orang-orang di atas sana, yang dahulunya memancingku dengan cerita kisah-kisah penindasan.

Sayang sekali, kini mereka sebahagian daripadanya.

Kumuncungkan sedikit mulut untuk memacu hembusan nafas yang diiringi dengan kesan bunyi yang kureka untuk menggambarkan perasaanku yang...

Entah.

Perasaanku kini sudah mati, seperti dunia hari ini.



“Tinggal 2 paket?”

Aku mengeluh kecil melihat sisa paket tiub makananku, seperti seorang angkasawan aku membuka paket tiub yang tertulis perisa rendang ayam, hanya sekali picit aku menyedut rakus makanan itu.

“Encik Firhan, sila berdiri di kotak kuning untuk melakukan proses pengimbasan.”

Aku menurut. Seketika kemudian arahan dikeluarkan.

“Tubuh anda sihat dan layak untuk bekerja. Paras gas penapis virus dalam pelindung muka anda sebanyak 45 peratus, sila isi sebelum turun ke paras lemah.”

Hampir sedekad berlalu, virus COVID-19 masih mengganas. Antidot berbentuk gas penapis virus yang seharusnya menjadi penawar kepada masyarakat, kini menjadi alat untuk mengikat kontrak hidup mati kaum lemah agar terus menjadi hamba tertindas.

Pagar dibuka dan aku melangkah masuk ke dalam tren. Beberapa minit kemudian, aku tiba di stesen destinasi. Aku bekerja di sebuah kilang pemprosesan makanan. Ya, pada hari ini tenaga manusia banyak diganti dengan penggunaan tenaga robotik, seharusnya ia menjadi alat bagi memudahkan urusan kerja manusia. Namun aku baru sedar ia hanya alat untuk memudahkan kerja-kerja orang kaya dan sedihnya bahagian eksekutif yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran dilakukan oleh besi ini.

Dan aku hanya kuli yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan kerja-kerja berat. Mungkin otakku tidak secepat mereka dan kotak memori ku tidak sebesar mereka, tapi aku tertanya-tanya

adakah kewujudan mereka untuk manusia ataupun kewujudan manusia untuk mereka, ataupun lebih tepat lagi, alat perantaraan bagi yang di atas sana untuk terus menguasai?

Aku keliru sambil memulakan rutin kerja aku.



Tepat jam 9.30 malam, sistem operasi berhenti, menandakan waktu untuk pulang. Namun hari ini aku sedikit gembira, kerana merupakan hari pertukaran keringatku. Seperti biasa aku berbaris menunggu giliran, dari belakang aku melihat banyak teman-temanku kelihatan sedih dan marah setelah menerima bungkusan masing-masing. Ingin sekali aku bertanya, tapi sesungguhnya aku letih....benar-benar letih.

“Encik Firhan, sila berdiri di kotak kuning untuk melakukan proses pengimbasan.”

Aku menurut arahan.

“Jam bekerja cukup, tiada cuti, datang kerja tepat waktu dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Sila ambil bungkusan anda.”

Aku ambil bungkusan itu, berjalan menuju pintu keluar. Entah kenapa hatiku meronta ingin melihat isi bungkusan ini. Pantas kurobek pembalutnya untuk melihat apa yang terkandung di dalamnya.

1 kotak gas filter... 5 kod baucar... eh 1 je??

Aku menjadi cemas, jantungku berdegup kencang. Dengan pantas aku kembali ke arah mesin tadi.

“Mat... Mat. Ada nampak kotak aku? Isa ada nampak? Bad kau nampak tak?”

Masing-masing menggeleng. Aku semakin resah. Seperti orang gila aku berpusing-pusing, ulang alik dari satu arah ke arah lain.

“Aduhhhh mana ni!!”

“Memang takde, Han. Dahlah, balik jom?”

Dari arah belakang Zali menyapaku, mukanya kelihatan sedih tapi reda. Dari keadaan cemas aku jadi marah. Adakah semua menerima nasib yang sama? Tapi kenapa semua diam? Semua reda? Tidak cukupkah lagi keringatku dibayar murah mengikut kehendak mereka? Kini kotak kesukaanku yang masih memberikan aku ruang untuk memilih perisa apa untuk dimakan setiap hari pula dirampas?



“Anda tidak dibenarkan berada di kawasan ini. Anda tidak dibenarkan berada di kawasan ini. Anda tidak dibenarkan berada di kawasan ini...”

Amaran yang bergema berulang-ulang melalui speaker tidak aku pedulikan. Aku tetap mahu berjumpa seseorang untuk meluahkan ketidakpuasan hatiku. Aku cuma mahu hak aku!

Lampu merah menyala serentak dengan bunyi siren bergema kuat. Beberapa buah robot bersaiz besar menyerbu dari pelbagai sudut untuk menghalangku. Aku sempat keliru, adakah aku seorang banduan yang cuba melarikan diri dari penjara, sehingga harus diperlakukan begini?

“AKU MAHU HAK AKU! AKU MAHU HAK AKU!”

Tubuhku dibawa pergi dengan paksa, mulut diikat, mataku ditutup, kini aku keliru lagi. Adakah aku penganas yang merbahaya?

Sunyi dan gelap! Tubuhku dilempar seperti sampah. Aku merasakan hentakan paling kuat hinggap ke belakang kepalaku, duniaku rasa berpusing, aku rebah, cuba bersuara tapi tersekat, cuba meraba sekeliling tapi tiada cahaya. Dari sisa-sisa nafas yang tinggal, aku tersedar rupanya, tiada apa yang berubah.



PENCEMARAN: ANKARA SIAPA?

PRIIYALAKSHMI A/P KUMARRAJAH

Namaku Rashdan. Aku tinggal di Kampung Changkat Jaya, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Hari ini hari pertama tahun 2021. Kes COVID-19 mula reda secara perlahan walaupun masih terdapat laporan kes di beberapa tempat. Tetapi impaknya masih dirasakan, lebih-lebih lagi untuk penduduk kampung seperti kami.

Sejak tahun 2016, kampungku dilanda masalah pencemaran air di sebuah pulau yang berdekatan dengan kampung kami, Pulau Burung. Pulau Burung pada asalnya sangat dikenali dengan keindahan pulau yang merupakan medan pelancongan kini sudah pun disakiti dengan pencemaran.

Masalah pencemaran alam bertambah lebih teruk sejak negara dilanda pandemik COVID-19. Hari demi hari longgokan sampah bertimbun di merata-rata pulau tersebut. Aku masih hairan dari awal PKP sehinggalah hari ini, angkara siapa yang melakukan perkara yang terkutuk ini pada abad ke-21 dan kesedaran tentang alam sekitar masih rendah walaupun pada tahun 2021.

Lebih malang, nelayan di kampungku hilang mata pencarian. Seorang demi seorang anak muda berhijrah ke bandar Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan walaupun mereka menyedari peluang pekerjaan di sana terhad dan pengangguran masih tinggi. Pihak berkuasa juga tidak mengambil cakna tentang masalah pencemaran di pulau tersebut walaupun sudah banyak kali laporan dibuat.

Aku sudah hilang kesabaran dan ingin menyiasat sendiri angkara keji siapa ini. Aku mengajak penduduk kampungku untuk menangkap sendiri manusia yang bertopengkan syaitan itu. Pada malam itu, kami penduduk kampung meronda untuk menyiasat dalang di sebalik malapetaka ini. Aku terlihat satu lembaga hitam yang membuang sisa toksik hitam dan juga topeng muka terpakai merata-rata. Kemudian, lembaga itu hilang sekelip mata.

Beberapa hari kemudian ada seorang penduduk kampung yang terlibat dalam rondaan tempoh hari mula mengalami simptom-simptom seperti jangkitan COVID-19. Keadaannya memburuk dengan cepat sebelum dia meninggal tanpa sempat dibawa ke hospital. Kemudian seorang demi seorang penduduk kampung yang turut mengikuti rondaan pada malam itu mula dijangkiti virus tersebut sehingga pihak KKM terpaksa turun padang ke kampung kami untuk memeriksa keadaan penduduk kampung di sana. Aku dan penduduk kampung yang masih sihat pula mengambil keputusan untuk membuat rondaan sekali lagi di pulau tersebut walaupun diberi larangan oleh KKM untuk keluar daripada rumah.

Malam itu, semasa kami menjalankan rondaan, kami ternampak lembaga hitam berada di pulau tersebut dan berterbangan di sekitar pulau tersebut. Lembaga tersebut kemudian terbang ke arah kolam dan kami pun mengekori lembaga hitam itu. Kami terlihat terdapat sekumpulan lelaki yang membuang sisa toksik dan sampah sarap di kawasan tersebut.

Kami pun terus serbu sekumpulan lelaki tersebut dan terus menangkap mereka dan terus membawa ke balai polis. Sekumpulan lelaki tersebut merupakan pemilik kilang dan juga sebahagian penduduk kampung kami. Tak lama kemudian, kami mendapat tahu yang sekumpulan lelaki tersebut kesemuanya disahkan positif COVID-19 selepas pemeriksaan dijalankan. Aku masih tertanya-tanya tentang lembaga hitam yang didakwa yang awalnya mencemarkan pulau tersebut. Siapakah dia?

Malam aku memberanikan diri untuk ke pulau untuk berjumpa sendiri dengan lembaga hitam itu. Setelah lama aku menunggu, akhirnya lembaga hitam itu munculkan diri. Wajahnya sangat mengerikan namun aku tetap gagah berhadapan dengannya. Aku bertanyakan sebabnya berada di pulau tersebut. Dia merupakan penjaga pulau tersebut sekian lamanya dan setiap malam dia akan datang untuk membersihkan pulau tersebut. Namun, pulau itu semakin tercemar akibat penduduk kampung kami sendiri yang mencemarkan pulau tersebut. Dia pun terus bersumpah agar penduduk kami semua meninggal akibat COVID-19. Aku pun meminta maaf kepadanya atas perbuatan penduduk kampung yang keji itu. Tak lama kemudian, lembaga hitam itu terus menghilangkan diri.

Sejak dari itu, kami sekampung bergotong-royong membersihkan pulau tersebut. Pulau itu semakin bersih dan aktiviti perikanan dan pelancongan dijangka akan dapat dijalankan sepenuhnya menjelang tahun 2023. Aku mampu tersenyum dan menyedari bahawa pandemik COVID-19 mempunyai hikmah di sebaliknya yang membuatkan kami sekampung peka terhadap alam sekitar walaupun negara menuju ke arus teknologi dan revolusi industri 4.0.



APOKALIPTIK

MUHAMMAD AZRIE IDZMEER BIN ROSLI

Anakku pulang ke rumah dengan membawa sebuah keterujaan yang aku sendiri tidak pernah lihat sebelum ini. Dia telah menerima satu tugas khas untuk subjek Sejarah di sekolah. Patutlah dia begitu beria. Dia dapat tajuk yang memang diingini. Tentang sejarah pandemik global COVID-19 yang berlaku pada tahun 2020.

Aku masih ingat lagi. Waktu itu, aku baru berusia empat tahun. Walaupun aku belum masuk ke alam persekolahan, memoriku kuat mengenangkan saat di mana kami sekeluarga terpaksa duduk di rumah bagi mencegah virus tersebut dari terus merebak. Awalnya aku tidak mengerti apa itu coronavirus. Tetapi aku membesar dengan kesan yang dibawanya. Sungguh hebat penangan virus yang satu ini. Segala-galanya berubah dengan begitu drastik sekali. Bukan saja dari segi pentadbiran negara, malah juga ekonomi dunia, industri pelancongan dan sistem perlembagaan.

Saintis hanya menemukan vaksin pada tahun 2025. Selama lima tahun, kami semua hidup dalam ketakutan. Pelitup mulut dan hidung sentiasa dipakai dan cecair pembersih tangan akan dibawa

ke mana-mana. Penjarakan fizikal terus dilaksanakan di tempat-tempat awam. Malah, SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan bagi mengengkang penularan virus tersebut diperketatkan lagi pada tahun ketiga. Semuanya gara-gara gelombang ketujuh virus itu di mana buat pertama kalinya, kes positif mencecah hingga ke 12,000 orang dalam satu hari!

Virus yang sehingga kini masih belum ditemui dari mana asalnya juga melalui proses mutasi di mana pesakit yang pernah positif sebelum ini masih boleh dijangkiti lagi. Norma baharu yang disangka hanya bertahan selama beberapa bulan terpaksa diteruskan sehinggalah vaksin ditemui.

Dan bercerita tentang vaksin, perang dunia ketiga hampir tercetus kerananya. Seperti biasa, Amerika Syarikat cuba untuk menjadi negara pertama yang mendapat vaksin tersebut bagi penduduk di negaranya. Lebih-lebih lagi apabila dua presiden mereka meninggal dunia kerana virus tersebut. Negara yang kononnya paling maju di dunia ini hampir lumpuh kerana COVID-19. China dan Russia pula terus-terusan dingin dengan sekutu Amerika Syarikat. Malaysia hampir terkesan dengan kemelut politik yang melanda dunia. Angka kematian mencecah bilion!

Keadaan politik dalam negara juga memberi kesan yang mendalam terhadap Malaysia. Pemberontakan yang berlaku di negara-negara jiran telah menginspirasi anak-anak muda untuk menggulingkan dua kerajaan yang bersilih ganti. Ibu dan ayahku adalah sebahagian daripada anak-anak muda yang terlibat dalam protes besar-besaran ini.

Untuk 10 tahun pertama, keadaan negara sedikit kucar-kacir. Banyak syarikat yang pernah menjadi kebanggaan negara terpaksa gulung tikar. Buat pertama kalinya juga, kadar pengangguran negara menjadi yang paling tinggi dalam tempoh 30 tahun.

Aku banyak menghabiskan masa di rumah. Sesi persekolahan diadakan secara dalam talian. Aku tidak pernah merasai pengalaman membesar seperti generasi sebelum aku. Aku hanya tahu apa itu nilai persahabatan apabila aku pertama kali bertemu dengan sahabat-sahabat dalam talianku pada hari jadiku yang ke-15. Ketika itu, keadaan negara sudah semakin pulih. Ekonomi global juga bertambah baik.

Tapi malangnya, perkara yang kami paling takuti berlaku. Perubahan iklim dunia yang drastik telah menambahkan banyak bencana alam. Kuala Lumpur hampir tenggelam akibat banjir yang paling besar pernah direkodkan. Negara-negara lain juga turut melalui keadaan yang sama. Ais di kutub utara dan selatan semakin mencair, menambahkan paras air laut. Benar kata Greta Thunberg. Kita telah gagal menjaga alam semesta untuk generasi akan datang.

Tapi aku telah berjanji pada diriku sendiri bahawa anakku, Putri Asyira Yasmine, tidak akan melalui saat-saat getir yang pernah aku lalui ketika membesar. Segala apa yang dimahukan, pasti akan kuturuti.

Asyira sama seperti kebanyakan kanak-kanak yang lahir pada tahun 2040. Hanya mempunyai satu penjaga. Istilah ibu dan ayah tunggal tidak lagi menjadi satu bahan ejekan masyarakat. Malah, peranan ibu dan ayah tunggal dipandang tinggi dengan banyak bantuan diberi oleh pihak kerajaan. Kami bersyukur atas bantuan

yang disalurkan. Kami berharap sangat agar masa depan anak-anak kami lebih terbelak. Aku tidak mahu melihat Asyira derita seperti mana aku derita dulu. Dialah satu-satunya permata hatiku.

“Mama, nanti tolong Syira carikan maklumat pasal COVID-19 ya?” pinta Asyira, manja.

Aku tersengih, sebelum bangkit dari perbaringan. Asyira cepat-cepat memapah tubuhku dan menyandarkannya pada dinding yang beralaskan sebiji bantal.

“COVID-19? Kan mama dah banyak cerita pada Asyira sebelum ni?” tanyaku sebelum mengurut-ngurut dada kerana tiba-tiba saja boleh terbatuk-batuk.

“Kali ni Asyira nak mama rekod video dan cerita, boleh?”

Biarpun aku sedang lemah dan hanya bergantung pada alat bantuan pernafasan kini, aku hanya menganggukkan kepala tanda setuju. Apa saja untuk anakku yang satu ini, akan kulakukan dengan sepenuh hati.



COVID-19 — PERJALANAN SEBUAH BANDAR BAHARU

MUHAMMAD HANIF BIN ABDUL BARIK

2049. Lima jam lagi manusia bakal menyambut tahun baru 2050. Aku termenung seketika melihat pemandangan senja bandar, melihat reaksi sekumpulan manusia melintas jalan diiringi dengan manusia yang menunggang basikal berlatar belakangkan vista bangunan pencakar langit. Terus aku menekan butang kamera di kaca mataku, untuk kusimpan pemandangan ini sebagai kenangan.

Tiba-tiba, cucu lelakiku bersin. Aku menoleh ke arahnya. Tertera bacaan suhu badannya di kaca mataku. Aku menarik nafas lega. Risau sekiranya mempunyai gejala COVID atau penyakit berbahaya.

Pada tahun 2049, sekiranya anda dijangkiti COVID, anda tidak perlu risau. Anda mampu dipulihkan.

Teringat aku kembali apabila satu dunia dilanda pandemik coronavirus. Termasuklah negaraku tercinta Malaysia. Ia umpama bom atom yang melenyapkan semua sistem sedia ada lalu memberi peluang kepada Kerajaan untuk merangka sistem atau dasar baharu.

Kerajaan Malaysia dahulunya menggunakan peluang kedua ini untuk memperbaiki kelemahan sistem sedia ada. Pelbagai

polisi diperkenalkan menerusi Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK).

Antara langkah drastik yang diambil oleh Kerajaan adalah memfokuskan kepada kesihatan rakyat. Rakyat yang sihat dapat memacu ekonomi negara. Kerajaan memperkenalkan polisi 'HOSPITAL ORIENTED DEVELOPMENT' (HOD). Hospital menjadi fokus pembangunan di mana hospital akan dikelilingi dengan kawasan aktiviti yang menyokong industri kesihatan, pembangunan bercampur seperti pembangunan perumahan, komersial dan kawasan hijau. Setiap komuniti bandar mempunyai akses kepada kemudahan kesihatan dalam tempoh kurang daripada 60 minit. Konsep HOD ini juga menekankan kemudahsampaian rakyat ke hospital melalui rel, basikal, pengangkutan awam dan pejalan kaki. HOD ini juga mengurangkan kebergantungan rakyat kepada kereta.

Kerajaan bersama pemaju swasta menyediakan perumahan mampu milik bagi semua lapisan rakyat. Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan menggalakkan densiti pembangunan yang seimbang di setiap daerah. Densiti bandar yang seimbang akan memudahkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal bandar apabila bencana melanda. Di samping itu, kawalan densiti juga membantu Kerajaan untuk menyediakan kemudahan awam yang mencukupi di kawasan tersebut.

Kerajaan turut memperkenalkan konsep 'Transfer of Density (TOD)' kepada pemaju bagi menggalakkan pembangunan strata di kawasan bandar. Densiti di tapak hospital dipindahkan kepada

tapak kawasan perumahan mampu milik. Sebagai balasan, pemaju perlu menyediakan kawasan hijau yang luas untuk dijadikan sebagai kawasan riadah bagi penduduk bandar. Kawasan hijau yang luas juga dijadikan sebagai tempat pengasingan atau tempat berkumpul sekiranya berlaku kecemasan oleh Kerajaan.

Majoriti bangunan di bandar telah mengambil kira budaya norma baharu seperti penjarakan fizikal, pengesan suhu dan pengaliran udara. Selain itu, reka bentuk kediaman juga mengambil kira budaya norma baharu seperti penjarakan fizikal dan bekerja dari rumah. Majoriti kediaman dilengkapi dengan sistem pintar untuk memudahkan kehidupan seharian manusia. Kajian mendapati ruang rumah yang selesa akan membantu rakyat di dalam menghadapi bencana.

Kerajaan juga menggunakan Big Data di dalam merangka dan merancang aktiviti di bandar. Data-data yang diabstrak daripada telefon pintar akan digunakan oleh Kerajaan untuk dianalisis dan menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Analisis Big Data juga digunakan untuk mengurangkan impak bencana terhadap penduduk bandar.

Ekonomi digital mencorak penggunaan ruang di bandar. Rakyat boleh membeli belah secara alam maya tanpa perlu ke pusat membeli belah. Ruang pejabat dan ruang komersial di dalam kawasan bandar adalah sangat minimum. Ekonomi digital menyebabkan permintaan yang tinggi bagi ruang gudang. Oleh itu, majoriti ruang pejabat, komersial dan gudang diintegrasikan dengan kawasan lapangan terbang.

Tiba-tiba jam lampu pintar aku menyala; memberi isyarat kepadaku supaya bersenam. Kali ini, aku membuat pilihan untuk mengayuh basikal di Taman Bandar.

Di dalam perjalananku ke Taman Bandar, aku merentasi beberapa Taman Mini Bandar yang dijadikan sebagai kawasan pertanian oleh penduduk bandar. Ia merupakan sebahagian daripada strategi Kerajaan untuk memastikan kelangsungan makanan bagi penduduk bandar. Taman Mini Bandar juga mempunyai tempat kitar semula di mana sisa makanan yang dikumpulkan daripada unit keijiranan akan ditukarkan kepada baja.

Apabila tiba di Taman Bandar, aku melihat pelbagai ragam dan pelaku manusia. Sedang aku mengayuh basikal, mataku tertarik untuk melihat persembahan dron oleh sekumpulan anak muda. Kemahiran menerbangkan dron ini telah pun diserapkan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Dron juga digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memantau aliran trafik, pembuangan sisa di kawasan sungai dan pemantauan di kawasan bandar oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Tiba-tiba, jam pintar aku bergetar. Notifikasi amaran terpampang di skrin. 'Amaran, terdapat satu kes COVID dikesan di bandar Jelutong.' Aku bergegas pulang.



JUMPA LAGI, 2020

MUHAMMAD NABIL BIN AB RAHIM

“Ni bukan mengarut Yaz, ini sains!”

Yaz mengerutkan dahi terus memandang sinis pada Profesor Malik tentang teori rentas masa.

“Okay, tapi macam mana nak pergi balik ke 2020?” soal Yaz.

“Kita guna teori ‘Iter Somnum’ yang saya tulis dahulu. Kembali ke masa lampau melalui tidur. Bila kita tidur, kita akan lalui banyak peringkat. Peringkat deep sleep yang akan menjadi stesen kita untuk kembali ke masa lalu. Basically it is a time-tidur-travel,” jelas Profesor.

“Maknanya, kita tidur hari ni, 29 Ogos 2037, kita boleh balik ke tahun 2020?” soal Yaz.

Profesor mengangguk, membuka sebuah kotak kecil, menunjukkan pil berwarna kelabu tertulis IS37. “Pil ini senjata rahsia kita. Kamu duduk di hostel kan waktu PKP dulu? Pilih satu memori yang kamu ingat ketika itu,” kata Profesor.

Mereka menuju ke dua buah katil di tepi makmal. Yaz ambil pil lalu baring di atas katil. Mereka menelan pil tersebut, dan meneguk secawan air. Beberapa ketika selepas itu, mata semakin berat. Kepala dilabuhkan ke atas bantal, dan hanyut dibuai lena.



Dum dum dum!

Pintu diketuk beberapa kali. Adib, teman sebilik Yaz membuka pintu, terperanjat. “Eh, Sir Malik! Buat apa dekat sini Sir?”

Profesor Malik yang ketika itu belum bergelar Profesor, meluru masuk ke dalam bilik hostel.

“Kenapa Sir? Yaz ada buat salah ke? Hari ni kan tak ada kelas online?”

“Yaz ada special assignment dengan saya, urgent!”

Adib terus tarik selimut Yaz dan geletek tapak kakinya. Yaz tersentak dari tidur, mengelipkan matanya berkali-kali.

“Dekat mana sekarang ni? Ke mimpi lagi ni?”

Yaz lihat skrin telefon bimbitnya. 10:11 AM, 25 April 2020. “Uish, 2020?! Dib, kami gerak dulu, ada hal penting. Lama tak jumpa kau Dib.”

Adib hanya mengangguk sambil dahinya berkerut memikirkan perihal mereka berdua.

Setibanya di makmal, Profesor Malik menyediakan formula vaksin yang masih segar dalam ingatannya. Semuanya lengkap ditulis dalam buku nota. Kemudian mereka bergegas ke Putrajaya.

“Nak jumpa PM ke?”

Setibanya di Putrajaya, kereta diletakkan di bahu jalan. Yaz hanya ikut Profesor menaiki tangga kecemasan.

“Prof pasti ke laluan ni?”

“Saya banyak buat kajian dekat sini dulu, dah tahu banyak benda.”

Tak lama kemudian, mereka tiba di pintu tingkat 7. Terdapat beberapa pegawai mengiringi Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah. Profesor cuba mendekati Dr. Hisham, namun dihalang oleh pegawai beliau.

“Malik? Lama tak nampak kamu.” Dengar saja pertanyaan Dr Hisham itu, barulah pegawainya berlembut dengan Profesor.

“Ada hal penting nak cakap dengan Dr, sebenarnya saya ada formula vaksin!”

“Vaksin? Belum ada lagi setakat ni.”

“Saya tahu ni mungkin pelik, tapi kami datang dari masa depan,” kata Yaz.

Dr Hisham terpaku seketika sebelum menggelengkan kepala. “Awak ada tekanan ke? Kesan terkurung lama sangat?”

“Kami tak main-main Dr, sekarang Dr tengah berperang dengan gelombang kedua, tapi akan muncul gelombang ketiga yang lebih dahsyat!”

Dr Hisham kebingungan.

“Mutasi virus akan menyerang paru-paru mengakibatkan komplikasi yang serius pada darah walaupun tak bergejala. Vaksin ini menghalang virus dari menyerang paru-paru.”

“Okay, saya ambil. Tapi tak bermakna saya guna. Makmal akan buat kajian spesifik,” ujar Dr. Hisham. Dia mengambil lembaran kertas yang dihulurkan dan menyimpan dalam failnya.

“2037, Malaysia dah semakin maju. Tetapi, AI sudah ambil alih tugas manusia. Generasi yang lahir bermula 2020 kami gelarkan Gen-Cov, mahir dengan teknologi tapi kemahiran sosial semakin terhakis. Ini sangat bahaya!” terang Yaz pula.

“Terima kasih Tan Sri dan ahli KKM, berjuang tanpa henti sejak hari pertama,” ujar Prof. Malik kemudiannya.

“Siapa Tan Sri?” Dr Hisham kehairanan. “Macam mana kamu putar masa ke tahun ini, Malik?”

“Mungkin gila sikit, tapi secara ringkasnya, kami tidur pada tahun 2037 dan bangun pada tahun 2020.”

“Iter Somnum? I thought it was just a theory.”

Akhirnya objektif misi berjaya. Profesor kemudian menghantar Yaz ke hostel. Yaz melihat Adib sudah tidur. Yaz baring ke atas katil dan menonton sidang media harian KKM melalui Facebook Live. Dia terlelap lalu hanyut di tasik mimpi. Bersedia meninggalkan 2020, sekali lagi.



Suara kanak-kanak bermain menangkap perhatian Yaz dari lena. Yaz merenung ke luar tingkap, melihat ramai kanak-kanak bermain di blok bawah.

“Dah bangun pun kamu,” kata Profesor sambil mengacau secawan teh panas. “Kamu dengar di bawah tu? Itulah kebebasan Yaz...”

Anak-anak kecil berlari berkejaran, ada yang bermain bersama keluarga dan ada yang mengibarkan Jalur Gemilang. Maklumlah esok tidak sekolah, bolehlah tidur lewat.

Yaz dan Profesor Malik menikmati pemandangan bunga api di luar jendela, menghiasi angkasa raya malam ambang 31 Ogos 2037.



KUALA LUMPUR 2.0

RAUDHATUL HAZIRAH BINTI MD RIDZAUDIN

Aku buka dompetku terlihat seperti ada kupu-kupu keluar. Hanya beberapa keping not merah yang tinggal. Aku mengeluh sambil mendongakkan kepala. Terpampang nama Silverline pada bangunan kaca di tengah kota sebagai lambang penyelamat dunia.

Pandemik COVID-19 hampir mencecah angka sifar beberapa tahun yang lalu. Malangnya, satu letupan di sebuah makmal yang memusnahkan harapan manusia. Sejak itu, COVID-19 kini bukan lagi dijangkiti melalui cecair tetapi udara. Syarikat Silverline merebut peluang ini dengan mencipta sebuah topi keledar kedap udara yang melindungi dari kepala hingga dada. Semua orang di muka bumi wajib memakainya. Bacaan hayat penapis boleh dibaca melalui jam tangan yang diberi. Penapis udara dipasang di bahagian dada dan perlu ditukar cecairnya setiap 3 bulan. Perhiasan, rumah, kereta tidak lagi menjadi keutamaan. Mereka yang tidak berkemampuan, tergedai nyawa. Udara kini perlu dibayar, bukan lagi percuma.

Aku melangkah masuk sambil melihat jamku yang memaparkan 3%.

“Encik, sana sikit,” kata seorang jejaka yang sedang menolak troli berisi botol-botol kaca, memakai helmet dan baju T kuning dengan logo susu di bahagian bahu dan tertulis kecil ‘George’ pada sebelah kiri dadanya. Rakan wanitanya pula memakai baju rekaan sama tetapi bertulis Victoria. Namanya mungkin. Aku berganjak sedikit memberikan laluan kepadanya. Aneh. Kenapa botol kosong?

Aku duduk menunggu giliran. Bingkai gambar seorang lelaki menarik perhatianku. Dialah pencipta kandungan cecair penapis udara. Ahmad Malak namanya. Orangnyanya sudah tiada tetapi kebijaksanaannya menaikkan nama Malaysia ke persada dunia.

“Kau tekan butang tu sekarang, tutup bangunan ini!” herdik seorang lelaki kepada staf wanita tiba-tiba sambil mengacukan senapang. Terdapat radio dua hala terselit di pinggangnya.

Pakaian lelaki itu sama seperti George. Di sebelahnya juga ada beberapa berisi botol kaca kosong. Di pintu masuk sudah pun dijaga oleh dua orang jejaka yang juga memakai pakaian yang sama sambil mengacukan senapang ke arah kami. Siapa mereka ini?

“Kangar, tutup pintu,” kedengaran suara dari radio di pinggangnya.

Staf wanita cuba menggapai telefon berdekatan. Sejurus itu, satu das tembakan dilepaskan tanda amaran. Semua tebusan yang ada di situ menjerit ketakutan.

“Semua cangkung sekarang! Kau ingat aku main-main? Ke kau nak aku letupkan bangunan ni?” jerit lelaki bernama Kangar tadi.

Staf wanita itu pun mengalah dan tekan butang seperti yang disuruh. Bunyi seperti rotor gergasi berputar. Pintu besi sudah pun menutupi seluruh bangunan hanya 7 saat.

“Cat dan J.B, korang pilih orang-orang ni suruh buat kerja di atas. Kita ada 1jam dari sekarang sebelum ‘dia’ sampai,” arah Kangar kepada mereka.

Aku dan beberapa tebusan dipilih untuk melakukan ‘tugasan’. Kami menaiki lif ke tingkat 8. Sejurus buka sahaja pintu lif, aku nampak George dan Victoria. Kami dibawa ke sebuah bilik kebal, barangkali sudah pun dibuka oleh mereka. Tersusun banyak botol kaca di situ.

“Kerja kau senang saja, tolong isi air ni dalam botol-botol ni. Senang kan?” kata George kepadaku.

Aku hanya mampu menganggukkan kepala. Aneh. Kenapa perlu isi air ini dalam botol?

Setelah diperhatikan, baru aku sedar bahawa kami sekarang berada di dalam bilik pengeluaran cecair penapis udara. Peti penyimpanan bekalan berupa seperti peti sejuk bersaiz besar yang diperbuat daripada besi tersusun rapi di sekeliling bilik itu. Hampir kosong. Setiap bahagian peti tertulis tarikh pembuatan dan tarikh tamat tempoh. Mungkin sudah diambil oleh mereka. Mungkin aku boleh seludup sedikit buat diriku sendiri. Tersenyum diriku bila memikirkannya.

Satu-satunya cara untuk membuka semula pintu besi yang menutupi seluruh bangunan ini hanyalah dengan imbasan cap jari Perdana Menteri. ‘Dia’. Bangunan ini dijaga rapi kerana pengeluaran dan bekalan cecair penapis udara hanyalah disimpan di sini.

Bagaimana mereka boleh masuk sedangkan kawalan keselamatan di sini ketat? Melihat dari cara mereka berpakaian, mungkin mereka masuk sebagai penghantar bekalan susu. Silverline merupakan syarikat yang sangat menjaga kesihatan pekerja termasuklah pemantauan pemakanan mereka. Walaupun begitu, bagaimana mereka mahu melepaskan diri? Bangunan ini hanya ada satu jalan masuk dan satu jalan keluar, iaitu melalui pintu utama.

Nama samaran yang mereka gunakan, seolah-olah nama bandar-bandar utama di Malaysia. Kangar di Perlis, George seperti George Town. Victoria yang merupakan nama lama Bandar Labuan. Cat sama seperti Kuching dan J.B mewakili Johor Bahru.

“15minit lagi!” Radio di pinggang George berbunyi diselangi dengan siren polis.

Polis mungkin sudah bersiap sedia di bawah untuk menyelamatkan tebusan. Victoria dan J.B sudah pun membawa troli yang dipenuhi dengan cecair penapis udara ke tingkat 11, tingkat paling atas sekali. Kenapa dibawa ke atas?

Kangar kembali masuk ke bilik kebal dan memberikan George dan Cat peralatan seperti mendaki. Mata Kangar meliar seperti mencari sesuatu lalu bergerak ke arahku.

“Tapi kau kena ikut aku. Umpan supaya polis yang di luar itu tak naik dan kami dapat melepaskan diri,” kata Kangar kepadaku.

Beberapa das tembakan dilepaskan ke arah siling tanda ugutan kepada pihak polis. Kangar menarikku dan menolakku masuk ke dalam lif.

Sebaik pintu lif terbuka, terdapat beberapa anak tangga menuju ke sebuah pintu bertulis 11. Di sebalik pintu, hanya ada

kawasan lapang dan tali tersangkut elok untuk menyeberang ke bangunan sebelah. Jadi, inilah cara mereka melepaskan diri.

Victoria dan J.B sudah pun berada di seberang bangunan bersama botol-botol kaca. Aku terlihat kelibat Malak bersama mereka. Malak masih hidup?

“K.L, Melaka dah tunggu,” kata Kangar kepadaku.

Malak. Melaka.

Aku K.L. Ibu negara.



OMBAK

MOHD YUSOF BAHARUDDIN

Kuala Lumpur bagai dilahir semula. Merangkak dan bertatih seperti bayi. Segala kepesatan kemajuan dengan kadar keluaran kasar negara dua digit hilang sekelip mata dek COVID-19.

Aku tinggal di sebuah kubikel rumah berbentuk cendawan. Kini, warga kota punya pilihan untuk tinggal menyewa di kawasan sekitar Dengkil, Nilai atau Rawang. Saiz rumah mengikut status perkahwinan dan jumlah ahli keluarga. Macam pangsapuri studio, cuma dibina di atas tanah. Kecil sahaja, tapi lengkap dengan kemudahan asas. Sumber tenaga total dari sel fotovoltaik dan sumber air dikumpul dari jala kabus.

Dinihari begini aku gigih mencari isyarat pancaran 6G yang lebih kuat. Ada kelas yang perlu diikuti secara atas talian. Kini syarikat besar tidak mencari pekerja berdasarkan tahap pendidikan, cukup jika memenuhi kemahiran yang ditetapkan.

Ya! Mat despatch sepertiku juga punya cita-cita. Aku ingin punya kerjaya yang lebih kukuh. Kena kuat semangat, kena redah segala untuk berjaya. Pernah diinjak dan dimalukan. Aku sabar saja, diam dan jalan terus.

Aku baru saja ditamatkan kontrak setelah lama menabur budi. Inilah kata orang, setelah habis madu dihisap, sepah tak berguna lagi! Keluarga pun dah campak aku jauh-jauh. Menanggung biawak hidup katanya.

Tapi ada satu perkara baik yang terjadi. Percuma saja pelajaran di negara ini selepas pandemik COVID-19 menyerang sedekad lalu. Siapa saja boleh belajar. Kerajaan tetapkan sekolah hanya satu jenis. Universiti juga satu. Yang penting segalanya gratis.

Aku sedang mengambil tiga sijil profesional iaitu reka bentuk pembinaan enjin, kimia organik dan pentadbiran perniagaan. Hanya perlu hadir 80% kelas dalam talian, telaah nota, siapkan tugas dan pentaksiran akhir. Sebelum ini, aku dah lulus beberapa sijil profesional dalam bidang bahasa, matematik dan pengaturcaraan komputer. Gratis.

“Ha, dapat pun isyarat kat sini. Nak kena cepat ni, sebelum orang KL bangun.”

Biskut tawar kucecah dalam teh panas. Nikmat dunia. Terasa panas merasuk sendi, menyegarkan batang tubuh yang bersalut embun pagi.

Kata-kata profesor itu kuamati satu-satu. Agar ilmu cepat masuk sementara orang KL belum bangun. Tablet terpakai untuk pembelajaran dalam talian itu kukutip di tempat pembuangan sampah. Monitor sedikit retak. Aku periksa dan membuat sedikit kerja baik pulih. Terus bernyala dan boleh digunakan.

Aku sedang siapkan satu projek tentang penggunaan air laut sebagai sumber tenaga kenderaan. Hipotesisku mudah. Air terhasil daripada dua molekul hidrogen dan satu molekul oksigen. Jika

benar kata profesor tadi, maka aku sudah dapat idea bagaimana mahu menguraikan dua sumber itu. Aku tahu ini bertentangan dengan hukum kedua termodinamik iaitu berkaitan proses semula jadi berbalik atau dipanggil entropi.

Tapi jika betul perkiraanku, aku akan mulakan proses elektrolisis bagi mengasingkan ion hidrogen dari air laut menggunakan penjana frekuensi radio bagi melemahkan ikatan ionik keduanya. Jadi, hidrogen yang terbebas dan haba yang terhasil dari penjana berupaya menjadi bahan bakar sehingga 3000 darjah Celcius.

“Bingo! Sekurangnya pada ketika ini, aku hanya perlukan dua liter air laut bagi menggerakkan kenderaan sejauh 70 kilometer.”

Monosikal biruku mula meninggalkan rumah. Sebagai mat despatch, aku perlu tangkas menghantar dokumen ke tempat yang diminta pelanggan. Arahan penghantaran telah diterima dari skrin cermin mataku. Dan aku bergegas keluar dari PNB 118 ke Menara M. Permukaan satah tanpa geseran membolehkan monosikal biruku bergerak sepantas angin. Satu lagi mesej masuk. Kutekan punat di tepi cermin mataku.

“Penting. Jumpa saya di Paramount Cafe @ 10.00 am - Profesor.”



Muka Profesor kelihatan agak muram. Beliau minta aku terangkan segala teoriku berkenaan penjana sumber tenaga boleh diperbaharui menggunakan air laut. Aku namakan ciptaanku

sebagai Ombak. Selama sejam aku membentangkan idea dan perkiraan kecekapan tenaga. Beliau hanya sesekali mengangguk, dan menghirup kopi di depannya sebelum memulakan bicara.

“Ada beberapa pihak panas punggung dengan ciptaan kamu. Saya terima ugutan dari gangster beberapa hari ini untuk hentikan kajian ini. Pernah tunjukkan pada sesiapa prototaip kajian? Bagaimana perkara ini boleh tersebar? Sampai ahli keluarga saya takut untuk keluar rumah.”

Aku hanya terdiam membisu. Otakku ligat berpusing mencari jika aku pernah menunjukkan prototaip Ombak kepada sesiapa atau berkongsi idea. Aku pasti tiada.

“Profesor, mungkin ada orang telah menggodam tab saya.”

Itu sahaja kesimpulan yang dapat kubuat. Padahal perlindungan perisian empat pengesahan pengekodan telah kubuat awal-awal. Bukan calang-calang musuhku kali ini. Aku minta diri dan terus memandu monosikal biruku pulang.

Sebaik tiba di pintu, aku meletakkan mata kanan sebagai pengecaman corak untuk memasuki rumah. Tiba-tiba, kepalaku diserkup dengan kain gelap dari belakang. Satu hentakan kuat menyusul. Nafasku sesak, pandanganku kian kelam. Ombak kian menjauh.



TUAH DARI JUMANTARA

MOHAMAD EZUAN BIN SAPRI

Di pagi yang redup Hairis membawa dua jambak bunga di hadapan Tembok Darurat. Di atas bunga-bunga yang sudah layu, Hairis meletakkan dua jambangan segar itu. Tangan menadah dan Al-Fatihah dibaca buat kedua ibu bapanya yang tidak bernisan. Jasad mereka terpaksa dibakar.

Tembok Darurat ibaratnya Trump Wall yang memisahkan dua negara. Tembok Darurat pula dibina memisahkan dua warga. Sihat dan bergejala. Mereka yang bergejala terpaksa menunggu mati kerana remdesivir tidak lagi berupaya melawan COVID-19.

Pada tahun 2024, COVID-19 berevolusi di tahap paling dahsyat. Apabila struktur spike virus membesar dan kekebalan sarung melindungi N-protein menjadikan virus itu mampu bertahan lebih lama di persekitaran luar anggota tubuh badan.

Ditambah pula dengan Mega Super Spreader. Kecepatan penyebaran COVID-19 menjadi jauh lebih dahsyat daripada kes Sivagangga. Hairis masih ingat ketika seluruh Ampang diisytihar kawasan hitam, ketika itulah Tembok Darurat dibina.

Hairis bangkit. Air mata diseka. Ibu bapanya sudah meninggalkan amanat kepadanya. Masih ada tanggungjawab perlu dia galas. Lambaian pergi Hairis berikan kepada dua tentera pos keluar masuk. Sambil menggalas beg, Hairis melangkah keluar dari kompleks Hospital Perkasa Raya.

Kompleks besar itu dibina selepas kejayaan dua orang anak watan iaitu Dr. Rafizah Saadon dan Dr. Alex Chong berjaya mencipta vaksin RaV-Perkasa. Vaksin yang dihasilkan dari ekstrak mineral Sebutir meteor yang menghempas Bandaraya Melaka. Mineral baru itu dinamai Nechpillion. Meteor itu pula diberi nama Tuah.

Walaupun RaV-Perkasa mampu memulihkan ramai umat manusia, namun ia masih tidak berfungsi di dalam tubuh mereka yang rendah imuniti. Tanpa bantuan sel putih yang banyak, RaV-Perkasa tidak dapat memperkasakan tubuh.

Amat memilukan buat ibu bapa Hairis yang merupakan pencipta vaksin tersebut.

Itulah yang terjadi kepada ibu bapa Hairis dan kebanyakan warga tua. Terpaksalah mereka ditinggalkan di balik Tembok Darurat. Sudah 10 tahun sejak kematian mereka, Hairis masih berkabung.

Jam pintar MySejahtera dibeleg. Pintu gelangsar bas Rapid terbuka luas. Hairis mendaki tangga dan menekap jam MySejahteranya pada alat pengimbas.

“Bacaan suhu normal. COVID-19 tiada.”

Lampu hijau bernyala. Hairis dibenarkan masuk. Dia pilih tempat duduk paling belakang. Dia menyapa dua petugas hospital yang baru selesai berpenat. Wira-wira di era gering ini.

Dari Maluri bas Rapid menuju ke perut kota. Hairis tidak berkereta. Di tahun 2040 kenderaan persendirian diharamkan. Kawalan Ketat Pergerakan hanya membenarkan pengangkutan awam beroperasi. Tiada lagi MyVi terbang.

Mambang COVID-19 masih mengganas. Sudah banyak negara musnah tidak berkerajaan.

Hairis merenung menara Putih yang dibina Kementerian Kesihatan. Menara-menara serba putih itu dibina merata di sekitar Kuala Lumpur. Sejak penemuan Tuah, ekonomi negara lebih fokus dalam memajukan sektor kesihatan dan perubatan dunia. Sumber Mineral Tuah menarik minat negara-negara maju untuk melabur di dalam projek-projek Kesihatan Malaysia.

Ditambah pula dengan kekuatan Parlimen yang majoritinya adalah golongan belia. Warga tua yang sihat terpaksa dikuarantin di dalam kediaman mereka. Udara kian tercemar dengan COVID-19 semenjak Mega Super Spreader kian mudah menjangkiti.

Usai turun dari bas muncul dua buah dron robotik. Dahi Hairis diimbas manakala bacaan jam MySejahtera diambil. Hairis menyangkan kad pengenalannya. Cheng Ho dan Rajendran sudah menanti ketibaan Hairis di muka pintu.

“Dr. Hairis penerima RaV-Perkasa. Bersih.”

Kata putus yang diberikan dron tersebut tanda Hairis tidak mudah dijangkiti. Hairis berjalan mendapatkan dua temannya

itu membantu mengangkat kotak bantuan yang akan dihantar ke negara Filipina. Negara yang hampir lumpuh persekutuannya.

Selesai mengangkat, mereka bertiga menaiki lif Menara Putih Cawangan Bukit Bintang dan naik ke tingkat teratas. Menara perniagaan ibu bapa Hairis yang ditukar kepada pusat penyelidikan perubatan luar angkasa.

“Beberapa hari lepas, satelit gelombang radio Peka berjaya mengesan satu isyarat audio komunikasi dari kedudukan 1 juta bilion kelajuan cahaya,” ujar Cheng Ho bernada yakin.

“Maksud kamu mesej COVID-19 kita dibalas makhluk asing?” soal Hairis.

“Yup. Saya sendiri yang berjaya menterjemahkannya, mereka menghantar mesej kepada kita,” jawab Rajendran. Dahinya berkeringat.

Pintu lif terbuka. Mereka bertiga melangkah masuk ke dalam bilik komunikasi Planetarium Negara. Hairis dan temannya berdiri di hadapan alat kawalan audio. Cheng Ho memainkan kembali isyarat radio yang berjaya diterjemah Rajendran.

“Kami adalah bangsa Hibuval. Kamilah penghantar ubat kepada kalian semua. Kami teringin sekali hendak duduk di bumi. Dan ya, apa yang terjadi di China memang salah kami. Bersiap sedialah.”

Hairis tercengang. Lidahnya kelu.



PERMULAAN
NUR LIYANA ABU BAKAR

Kotak biru sederhana besar itu adalah barang terakhir untuk diangkut. Setelah selesai semuanya, Nalia menutup bonet kereta. Dia berpaling memandang Reashma yang sayu melihat rumah itu buat kali terakhir. Uncle Deven dan Auntie Mala sudah siap menunggu di dalam kereta.

“Saya tak pernah sangka keadaan akan jadi sebegini,” ujar Reashma seraya menoleh ke arah Nalia di sisinya. Dia mengeluh. Mereka berbalas pelukan dan ucapan selamat tinggal sebelum Reashma masuk ke dalam kereta dan berlalu pergi.

Sorotan mata Nalia mengikuti kereta hitam itu sehingga hilang dari pandangan. Dia berpusing melihat sekitarnya. Sunyi. Suku menghampiri separuh penduduk taman itu sudah berpindah. Ramai yang memilih untuk meninggalkan kota dan kembali pulang hidup di kampung. Pandemi COVID-19 yang berlarutan bertahun-tahun itu benar-benar memberikan impak besar kepada ekonomi bukan sahaja kepada negara bahkan seluruh dunia.

Keluarga Reashma antara mangsanya. Uncle Deven diberhentikan kerja kerana syarikatnya sudah hampir mufis. Mencari pekerjaan lain sangat susah kerana peluang kerja di kota

raya makin terhad. Akhirnya mereka memilih untuk menjual rumah mereka di bandar dan pulang ke kampung.

Nalia mengeluh. “Inikah titik tolak kehancuran tamadun manusia moden?” dia berbisik sendirian.

“Tidak!”

Hampir terloncat Nalia mendengar satu suara dari arah belakangnya. Dia berefleksi menoleh. Makin terkejut dia melihat wajah yang menyapanya itu mirip sekali dengannya. Cuma, mungkin kelihatan sedikit berumur.

“Saya adalah kau, dari masa depan. 20 tahun ke hadapan. Lihat, saya masih wujud kan? Bermakna anggapan kau tadi salah. Ini bukan pengakhiran.”

‘Nalia besar’ itu mendekatinya, seraya berbisik, “Ini permulaannya!”

‘Nalia besar’ memegang tangan Nalia. Mereka seakan disedut ke satu dimensi. Dunia di sekelilingnya berputar laju. Nalia mula merasa mual. Selang beberapa ketika, akhirnya putaran itu berhenti. Mereka masih di taman itu.

Tapi keadaannya agak berbeza.

Rumahnya masih ada. Tapi tidak rumah Reashma. Tapak rumah Reashma sudah bertukar menjadi kebun. Begitu juga hampir separuh rumah-rumah di kawasan perumahan itu. Landskapnya sudah bertukar. Seperti bandar dalam taman.

“Kenapa macam, makin mundur?” Terpacul kesinisan dari Nalia. ‘Nalia besar’ tergelak.

“Kau bayangkan apa? Kereta terbang? Tak logik!” Nalia besar tertawa kecil lalu berjalan meninggalkan Nalia. Nalia terburu-buru mengikut rentaknya.

“Pandemik COVID telah melenyapkan hampir 15 peratus populasi dunia. Bunyinya sikit, kan? Tapi sebenarnya agak banyak.”

“Bunyinya tak begitu baik,” Nalia mencelah.

“Ya, benar. Ditambah pula ekonomi yang merosot teruk. Akibatnya ramai yang bermigrasi keluar dari bandar.”

“Apa yang baik dari semua itu?” Nalia berkerut, sangsi.

“Itu semua permulaan kepada reformasi dunia, terutamanya negara kita. Kesan dari itu, distribusi penduduk menjadi sekata di setiap tempat, tidak lagi hanya tertumpu di kawasan kota. Dan pada satu ketika, satu konsep reformasi dicadangkan. Jika sebelum ini rakyat bermigrasi ke kota kerana prasarana lebih baik dan peluang pekerjaan lebih tinggi, namun sekarang, setiap kawasan cuba membangunkan prasarana lengkap di kawasan penempatan masing-masing, tak kira di pekan mahupun desa. Kita membawa kehidupan baik itu kepada rakyat, bukan mereka yang mencarinya.”

Mereka terus berjalan hingga masuk ke kebun di tapak rumah lama Reashma. Sayuran-sayuran yang ditanam terlihat segar. Juga ada beberapa pokok buah-buahan di hujung taman.

“Kita membeli tanah ini dari Uncle Deven?” Nalia bertanya melihatkan dirinya yang ‘besar’ itu mula memetik beberapa sayuran di situ. Ini taman kita, telahnya.

“Tak, kita menyewa. Kebanyakannya berbuat begitu. Ingatkan, #kitajagakita? Rakyat cuba membantu seadanya. Mereka-mereka yang hampir muflis, kita takkan biarkan begitu sahaja. Mereka

yang ingin menjual tanah, kita tak akan beli, kita hanya menyewa. Mereka tak rugi, kita juga untung kerana mengusahakan. Oh ya, sekarang, pertanian menjadi sumber utama negara. Tanah-tanah yang terbiar, diusahakan untuk pertanian, perladangan, dan ini tak terhad di kampung-kampung sahaja, malahan di kota juga mengamalkan perkara yang sama.”

‘Nalia besar’ berhenti seketika. Dia menghirup nafas dalam-dalam sambil mendepangkan tangan.

“Kau bau itu. Udara sudah semakin segar, tak tercemar seperti dua dekad yang lalu,” katanya sambil menghembus nafas perlahan. “Tapi semua ini tak mudah juga untuk dilakukan. Ini sebabnya saya bawa kau ke sini. Untuk memberi pesan. Ini takkan terjadi sendiri, harus ada yang memulakan.” Nadanya serius. Dia menoleh menghadap Nalia. Bahu Nalia digenggam kemas. “Kau, harus mulakannya!”

Nalia besar tersenyum. Tangan Nalia digenggam erat.

Dunia kembali berputar laju.

Nalia kembali ke dimensi asalnya.

Bibirnya mengukir senyuman keazaman. Ya, dia akan mulakannya! Kakinya diatur kemas, melangkah kembali ke dalam rumahnya. Ada perkara yang harus dilakukan!



DEMI SEBUAH KESINAMBUNGAN RAJIAH BINTI HASAN

“Cepat buka tingkap dapur, drone dah sampai!” jerit Aqilah pada Ajmal.

Sejurus kemudian kedengaran bunyi libasan kipas dron berlegar di perkarangan rumah. Ajmal membuka tingkap, membenarkan sebuah dron berwarna kelabu datang dekat, membawa sebuah kotak dalam bakulnya.

Kotak berlabel ‘Tesco’ itu kemudiannya disemur rata dengan cecair antiseptik, sebelum diletakkan di sebelah tingkap. Semuanya dibuat oleh dron.

“Bye bye! Drone... Terima kasih!”

Dron itu mengelip-ngelipkan lampu sebanyak 3 kali, tanda persahabatan, sebelum terbang menjauhi rumah.

Hari itu, 24 Jun 2045. 25 tahun sudah berlalu sejak ‘makhluk halus’ COVID-19 mulai menyerang dan tinggal bersama-sama manusia di bumi. COVID-19 tidak pernah diundang, namun kehadirannya benar-benar mengubah peradaban sejagat. Kreativiti mulai terserlah.

“Dulu, ada masa terluang, ibu pergi shopping dan makan-makan dengan kawan-kawan,” Ibu bersuara. Dia mengeluh sambil memerhatikan anaknya, Aqilah mengeluarkan barang dapur seperti ikan, daging serta sayuran dari kotak yang baru tiba tadi.

Aqilah tersenyum manis. “Alahai ibu ni, terkenang peristiwa lama pula! Sekarang pun ibu masih boleh jumpa kawan-kawan!”

Tiba-tiba Najihah meluru ke arah mereka, membawa sebuah tablet. Tablet itu sedang berbunyi, ada panggilan masuk. Dia pantas meletakkannya di lantai dan terpancarlah sebuah hologram. Jasad maya seorang lelaki sedang berdiri, memakai kemeja-T hijau sambil memegang kucing berwarna oren kelihatan jelas di hadapan mata mereka.

“Ayah!!!” jerit Najihah. “Mana ayah dapat kucing itu?” Mereka ketawa serentak. Ayah sedang berada di Taiwan atas urusan tugasnya sebagai pensyarah dan penyelidik.

Dr Syakirin juga ketawa. Kuat dan jelas kedengaran. Seperti ayah di hadapan mata.

“Jumpa di koridor hotel. Comel sangat, macam Miso, kan?”

“Dah sanitized dia ke?” Ajmal bertanya. Masih risau akan ketirisan COVID-19 pada kucing itu, walau kajian terkini menyatakan haiwan tidak dijangkiti oleh kuman itu.

“Mestilah! Memang hotel sediakan 5 ekor kucing yang berkeliaran di koridor dalam bangunan. Khas untuk dibelai sebagai terapi menghilangkan stress para pengunjung.”

“Wah! Hebatnya!” jerit Aqilah, si pencinta kucing seperti ayahnya.

“Drone dah hantar barang?” tanya ayah apabila melihatkan kotak di atas meja.

“Ye! Tapi ibu malas nak masak hari ni. Kami nak cetak pizza saja! Ajmal tolong pesan ya,” balas ibu.

Ajmal mulai log in pesanan di telefon bimbitnya. Terpapar gambar kedai piza kegemaran mereka, bersama pilihan piza. Dia memilih jenis tepung adunan, topping dan sos yang mereka gemar. Terdapat beratus-ratus padanan piza di laman itu.

“Pastikan pilih ramuan yang kita ada, Ajmal,” pesan ibu.

Aqilah pula cepat-cepat meletakkan pinggan kosong di dalam sebuah struktur seperti oven. Dia menuangkan ramuan-ramuan yang diperlukan ke dalam bekas di oven tersebut.

“Dah? Ajmal klik okey ye?” tanya Ajmal.

Aqilah mengangguk. Serentak dengan itu, oven tersebut mula beroperasi. Memang kedengaran seperti bunyi sedang mencetak.

“Okey, ayah ada kerja nak buat ni. Assalamualaikum!” ucap ayah sambil melambaikan tangan.

“Walaikumussalam!” mereka menjawab serentak, membalas lambaian.

Imej maya ayah mulai pudar dan hilang dari pandangan. Najihah cepat-cepat mengambil tablet dari lantai dan meletakkannya ke tempat yang sesuai.

Sudah 25 tahun hidup berubah sebanyak 360 darjah. Aktiviti keramaian tidak begitu digalakkan. Penjarakan fizikal menjadi tuntutan hidup. Banyak urusan dilakukan dalam talian, demi mengurangkan perjumpaan dan sentuhan. Kemajuan dalam bidang teknologi begitu drastik.

Lazat bau piza, mulai mencucuk hidung. Aqilah membuka oven dan mengeluarkannya. Serupa seperti dalam gambar yang dipesan oleh Ajmal!

“Kalau dulu, ada rider yang bawa pizza ke rumah, sekarang kita cetak saja!” ujar ibu.

“Calling for Nur Najihah Has-Yun, you will have your violin class at 2 o'clock, sharp! Be ready at your station.” Suara robot seperti wanita bergema di rumah mereka.

Sepantas kilat Najihah berlari menaiki tangga, ke ruang yang dikhususkan untuk setiap interaksi secara maya. Rupa-rupanya hologram Miss Chow, guru muziknya sudah muncul di ruangan itu. Serius mukanya, bersama biola di bahu.

Najihah meniru pergerakan tangan dan jari Miss Chow dengan tepat. Berdesinglah bunyi gesekan biola dalam rumah! Ruang tersebut khas digunakan sepenuhnya untuk pembelajaran. Kelas dalam talian menjadi rutin utama kehidupan.

Ibu seorang doktor. Namun hanya ke klinik sekiranya ada pesakit yang memerlukan pembedahan. Itu pun dilakukan melalui prosedur operasi standard yang ketat. Rawatan lain ialah secara nasihat profesional dari rumah.

Begitulah kehidupan pada zaman pasca COVID-19. Perniagaan, komunikasi pendidikan, perubatan dilakukan secara jarak jauh demi sebuah kesinambungan. Hidup dalam komuniti terpencil, namun tetap berhubungan atas nama kesejagatan. Kesihatan mental juga dipelihara. Sama-sama hidup demi agama, bangsa dan negara.



NOSTALGIA 2020

HAZLINA BINTI IBNI HASHIM

Aku Rayyan, berusia 15 tahun dan hanya menjalani kehidupanku dalam rumah di Taman Cheras.

Pada tahun 2040 ini, manusia tidak lagi bersosial secara fizikal, berhubung dan bersosial secara maya sudah menjadi norma kehidupan masyarakat bumi sejak pandemik COVID-19 menyerang 20 tahun yang lalu yang mengakibatkan berjuta-juta nyawa terkorban.

2020 merupakan tahun bersejarah yang mengubah struktur sosial masyarakat bumi akibat penularan wabak coronavirus.

Walaupun peratusan penularan tidak setinggi 20 tahun yang lalu. Namun, saki-baki virus masih tersisa. Terdapat manusia yang dalam darahnya sudah sebatu dengan COVID-19 dan diasingkan dalam bilik yang direka khas oleh kerajaan.

Bekerja dari rumah dan pendidikan atas talian telah dikuatkuasakan dan dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Kanak-kanak yang lahir selepas tahun 2020 tidak pernah menjejakkan kaki ke tanah, tidak pernah merasa riangnya berlari-lari di luar rumah.

Hanya ARobot yang berlegar-legar di luar menjalankan tugas seharian yang biasa dilakukan manusia. Pada zaman ini, ARobot menjadi keperluan bagi setiap isi rumah selepas revolusi perindustrian 5.0. Perkembangan teknologi 5G membantu kehidupan seharian umat manusia.

“Rayyan!” Ibuku memanggil sambil mengetuk pintu kamarku. Lamunanku terhenti, aku melihat jam digital di sisi katilku. 08:00 a.m. Aku bingkas bangun dari katil dan membuka pintu kamarku.

“Selamat pagi!” Ibu menyapaku sambil tersenyum manis. “Lepas mandi turun bawah sayang, kita sarapan sama-sama,” sambung ibuku setelah melihat aku terkebil-kebil seperti baru bangun tidur.

Seperti biasa ibu tidak pernah gagal mengejutkanku jam 08.00 a.m setiap hari. Kelasku bermula jam 09.00 a.m, Isnin hingga Jumaat. Ayah dan abangku pula akan masuk pejabat maya 08.30 a.m setiap hari.



Usai makan malam, kami beristirahat di ruangan tamu sambil mengimbau kenangan lama. Sepanjang perbualan, aku hanya mendiamkan diri kerana lebih asyik mendengar dari mencelah kenangan manis mereka menjalani kehidupan normal sebelum penularan wabak COVID-19.

Malam itu matakku tidak mahu terlepas. Hatiku berombak-ombak dan dihambat dengan pertanyaan seperti apa rasanya

memijak rumput yang menghihiau, melepak bersama rakan-rakan dan menghadiri kelas beramai-ramai? Ingin sahaja aku keluar dan berlari sekencaangnya sambil membelah angin malam untuk pergi ke padang rumput.

Aku bangun, perlahan-lahan membuka langkah untuk ke pintu utama. Ketika membuka pintu, aku melihat AIrobot pihak berkuasa berlegar-legar memantau persekitaran taman perumahan ini. Melihat kelibat robot-robot tersebut hasratku terbantut.

Jika tertangkap, aku tidak dapat berjumpa ahli keluargaku lagi. Robot pihak berkuasa akan menangkap sesiapa sahaja dan diasingkan dalam tempoh yang lama untuk memberi pengajaran kepada penduduk yang melanggar arahan kerajaan persekutuan.

Mengikut cerita-cerita yang aku baca di laman sosial, sesiapa sahaja yang tertangkap oleh robot pihak berkuasa ada kemungkinan tidak kembali ke pangkuan keluarganya. Aku mematahkan hasratku dan menutup pintu kembali.

Aku kembali ke katilku dan berusaha untuk melelapkan mata. Namun, gagal! Aku bangkit lalu berjalan ke arah bilik abangku. Aku mempunyai dua abang, Irfan dan Muslim. Muslim telah terkorban dek COVID-19.

Aku membuka pintu bilik Along selepas melihat cahaya dari bawah pintu biliknya. Ternyata dia masih bangun.

“Along, sambunglah cerita tadi,” kataku sambil duduk di hujung katilnya.

Along tersenyum sambil memandangkanku. Kerana berasa kasihan kepadaku dia turutkan juga kemahuanku yang tidak pernah menjejakkan kaki keluar rumah sejak dilahirkan ke muka

bumi ini. Pernah juga dia cuba membeli rumput rumah atas talian tapi tidak mampu, kerana harga rumput pada ketika ini mahal.

Along mula membuka bicara, aku menghayati setiap butir bicaranya, mengamati setiap perasaan yang dia sampaikan zaman kanak-kanaknya. Keasyikan bermain bersama teman-teman di halaman rumah, melepak bersama kawan selepas waktu sekolah. Aku cuba dalam dalam fikiranku walaupun terbatas. Aku hanya mampu membayangkan. Pedihnya hati bila kita gagal mengecapi perasaan sebenar.

Malam itu aku tidur bersama linangan air mata kerana berasa rugi lahir selepas pandemik COVID-19.

Tut..tut..tut!! Bunyi penggera mengejutkanku. Aku tersentak lalu terbangun dari mimpiku dalam keadaan berpeluh-peluh. Mimpi yang aku alami seperti realiti yang sukar diungkapkan. Tidak ingin dan tidak akanku menjalani kehidupan seperti itu. Hanya membesar dalam rumah tanpa menjalani kehidupan di luar, di atas muka bumi tuhan yang luas ini.

Aku menekup mukaku dengan kedua-belah tapak tanganku sambil mengucap panjang. Tiba-tiba aku merasa seram-sejuk, aku bingkas bangun dan meluru keluar rumah sambil melihat sekeliling rumahku.

Aku tersenyum, gembira melihat anak-anak jiranku leka bermain di hadapan rumah. Ternyata mimpi cuma mimpi. Kini, Malaysia telah bebas merdeka, setiap ceruk benua di muka bumi telah bebas dan merdeka dari pandemik COVID-19 setelah vaksin COVID-19 berjaya ditemukan oleh saintis muda dari India.



BANDAR LANGIT

SALI SUHAIMI

Tiada setitik pun airmata mengalir semasa Anijah melangkahkan kaki buat pertama kalinya ke Bandar Langit Hulu Langat, Pusat Kuarantin, Rawatan dan Khidmat Masyarakat KKM. Terletak kira-kira 60 km ke Timur Shah Alam, di mana semua komunikasi antara orang luar dengan Bandar Langit hanyalah telefon atau persidangan video sahaja. Anijah menikmati pemandangan hijau dari biliknya pada ketinggian 100 kaki dengan bandar yang berkeluasan 20 hektar merentas di atas Sungai Langat yang mengalir deras di bawahnya, setelah disahkan positif COVID-19 semalam.

Burhan tidak berkata apa-apa semasa Anijah memasuki MPV Bandar Langit, yang menunggu di depan rumah mereka. Kedua puteri dan putera mereka, Baiyah dan Bashah, jelas kelihatan sangat sedih melihat Mama mereka dibawa pergi.

“I love you!” Itu ucapan terakhir Anijah untuk anak-anaknya sejurus sebelum pintu MPV ditutup dan laju membawa dia pergi ditelan kegelapan malam. Kedengaran Burhan merengus sambil menutup pintu rumah. Dia berdiri menghadap tingkap, merenung keluar jendela yang gelap-gelita.

“Macamana Mama boleh kena?” Tiba-tiba Burhan memecahkan kebisuan malam sambil memandangi anak-anaknya. Malam tetap gelap dan membisu atas pemergian Anijah.

“Woiiiiiii!! Pekak ke semua orang?” Burhan menjerit sambil menendang pasu bunga yang terletak di tepi tingkap. Berdentum pecah berderai memecah kesunyian malam gelap. Baiyah menahan marah. Bashah memegang tangan kakaknya sambil memberi isyarat bertenang.



Di Bandar Langit, Anijah ditempatkan di Presint M sehingga dia bebas COVID-19, sebelum dipindahkan ke Presint P, untuk melakukan aktiviti Khidmat Masyarakat-CSR. Sejak kerajaan menguatkuasakan penahanan selama 6 bulan bagi pesakit COVID-19, statistik COVID-19 telah menurun. Setiap orang menjaga SOP dengan ketat untuk mengelak dari dihantar ke Bandar Langit. Bandar impian Anijah.

“Puan baru masuk sini ke?” sapa seorang jururawat sambil membelek-belek dokumen Anijah.

“Ya ya...” jawab Anijah, sedikit terkejut melihat jururawat yang baru datang ke biliknya. Sejak tadi dia leka melihat pemandangan di luar tingkap biliknya.

“Cantik betul pemandangan kat sini,” sambung Anijah

“Sebab tu saya suka kerja kat sini,” balas si jururawat. Anijah tersenyum ceria.

“Nurse memang sejak dari awal kerja kat sini?” tanya Anijah.

“Tak lah. Dula saya kerja kat Bandar Langit Ipoh, mintak pindah sini. Terus dapat sebab kebetulan ada kosong.”

Kelmarin petang, Anijah membuat ujian COVID selepas 3 hari tidak sihat dan keputusannya positif. Terus diimbas barcode di test-kit dan secara automatik dikemaskini oleh MySejahtera. Sejurus selepas itu, telefonnya berbunyi.

“Hello. Selamat petang Puan Anijah Mustapha.”

“Ya saya?”

“Saya JLW4815 dari Bandar Langit Hulu Langat, akan mengambil Puan, dua jam dari sekarang. ETA 9.45 malam.”

“Baik.”

Baiyah tergamam dengan keputusan Mamanya.

“Mama memang sengaja buat ini semua kan? Kenapa Mama pilih jalan ini? Mama????”

“Maafkan Mama sayang. Mama tak ada jalan lain,” balas Anijah perlahan.

“Baiy bersalah pada Mama. Baiy tak dapat melindungi Mama...”

Sebak hati Anijah mendengar rintihan puteri kesayangannya.

“Baiy tak pernah salah pada Mama, Baiy kekuatan Mama. Mama perlu buat keputusan untuk diri Mama sekarang. Baiy dan adik pun dah besar,” terang Anijah perlahan.

“Mama!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!” Kedua beranak saling bertangisan, kepedihan tertanam lama yang tidak tergambar.

“Baiy, tolong inform Daddy. Just nice perjalanan Daddy satu jam dari Seremban. Mama akan telefon adik di asrama. Baiy... jaga adik, jangan sedih. Nanti kita buat VC. Doakan Mama. Mama

akan minta fasakh dengan Daddy, yang lain-lain kita akan fikir kemudian ok. Tunggu Mama habiskan 6 bulan di sana dulu. OK sayang?” pujuk Anijah lembut.

Suasana sangat suram petang itu, sesuram hati si puteri.

“Mama patut discuss dgn Baiy dulu...”

“Sejak PKP pertama, 20 tahun dulu, Mama dah fikir, sayang. Mama bertahan sebab Baiy dan adik je.”

Airmata mengalir laju tanpa henti membasahi pipi Baiyah. Dia menjadi saksi Mamanya menjadi mangsa penderaan Daddy. Pernah Mama keguguran, jatuh tangga ditendang Daddy. Mama masuk hospital seminggu, tapi Daddy mintak Mama keluar awal sebab tiada siapa yang menguruskan rumah. Sepak terajang mainan Daddy. Daddy ugut Mama, akan ambil anak-anak kalau Mama minta cerai. Mama hanya menangis dan bertahan.



“Puan... puan...”

“Ya ya nurse?”

“Puan OK? Jangan lupa buat ujian COVID setiap pukul 12 tengah hari ya?”

“Baik nurse... errr nurse... tau tak kot-kot ada kerja kosong di sekolah kat sini? Saya boleh mengajar,” tanya Anijah.

Jururawat yang manis itu memandang Anijah sambil tersenyum. “Puan nak mengajar di Bandar Langit? Serius?”

“Serius!”

“Nanti saya tanyakan Cikgu Mar, dia housemate saya. Tapi memang ada banyak kosong.”

“Iya serius! Tolong, tolong tanyakan ya?”



DUNIA SEPERTI YANG KITA KENALI

ALIAA ALINA

Aku berjalan mendekati ayah yang duduk di bangku kayu di taman itu. Dia termenung di situ. Di taman yang terletak pada tingkat 50 dalam bangunan Bandar Mega-Raya yang menempatkan pejabat, sekolah, pusat membeli belah dan perumahan bagi beribu-ribu manusia yang tinggal di daerah itu.

Matahari hologram yang dipancarkan dari balai cerap memancar terik, menerangi bangunan dengan bantuan lampu sorot yang dijana oleh syarikat tenaga dan elektrik.

Aku membawa sajian kegemarannya kerana hari itu, dia dibenarkan untuk menikmati makanan yang diinginkan. Ayah berpaling kepadaku seketika, lalu dia kembali merenung ke hadapan.

Aku duduk di sebelah, menemaninya di bangku, memandang padang bola menghijau dengan rumput plastik yang ditanam di dalam lantai konkrit.

“Kenapa Ibu kamu sudah lama tidak melawat aku?” soalnya kepadaku. “Dia masih marahkan aku kerana sering terlupa untuk menutup pili di bilik air?”

Matanya tidak berkedip memerhati sekawan burung merpati yang dilepaskan dari sangkar jagaan. Burung-burung terbang rendah merentasi taman namun ada seekor yang berani terbang terlalu tinggi lantas,

Thump!

Burung malang terhantuk kepalanya melanggar dinding langit buatan lalu tubuhnya melayang jatuh menghempas lantai.

“Ibu telah meninggal dunia,” jawabku mengingatkan dia kembali tentang memorinya yang semakin lemah, seiringan dengan usia.

Ayah menoleh, wajahnya kehairanan. Aku simpati melihat mukanya yang terpinga-pinga seperti pertama kali mendengar berita itu.

“Ibu terkena wabak pada 20 tahun dahulu.”

Dia terdiam untuk seketika. Dibuka bekal itu, dijamahnya sedikit, selebihnya diberikan kepada sekumpulan burung merpati yang cuba mematu mencari makanan di atas tanah artifisial.

“Tuan! Jangan beri burung makan!”

Pegawai beruniform dari Jabatan PERHILITAN yang bertanggungjawab untuk menjaga ekosistem taman melaung kepada Ayah.

Aku memohon maaf bagi pihak Ayah. Bilangku, dia sudah terlupa tentang peraturan dunia baharu, bahawa kami dilarang untuk memberi makanan kepada hidupan liar kerana mereka dijaga rapi dengan diet tersendiri. Doaku, moga-moga dia tidak mengeluarkan surat saman kepada Ayah kerana mengingkari arahan Pemerintah.

Mungkin pegawai beruniform itu kasihan melihat Ayah yang termenung muram di bangku kayu itu. Lantas dia sekadar memberi amaran kepada kami berdua supaya tidak mengulangi kesalahan itu.

“Mana kakak kamu?”

“Kakak sedang berkempen untuk mengumpulkan sokongan politik. Sekarang ini, dia bersungguh-sungguh mahu menjadi Perdana Menteri.”

“Patutlah sudah lama dia tidak menjenguk aku.”

Aku menepuk belakang ayah, “Apa boleh buat ‘Yah. Dia perempuan, dia perlu bekerja keras sepuluh kali ganda untuk membuktikan dirinya layak dilantik menjadi ketua negara.”

Ayah mengangguk faham.

“Mungkin aku sudah bertanyakan beratus kali soalan ini. Tapi boleh aku tahu, mengapa aku dan kamu perlu hidup dalam bangunan ini?” soalnya lalu mendongak melihat siling bangunan yang dilitupi hologram awanan biru.

“Kita semua diletakkan dalam suatu persekitaran yang terkawal dan boleh dikawal. Dunia ini masih belum selamat, ‘Yah.”

Kami berbual sehingga langit gelap, lalu aku mengucup dahinya dan pulang ke rumah menaiki monorel yang menghubungkan unit-unit blok dalam bangunan.

Ayah, aku tinggalkan dalam jagaan doktor kerana kebajikannya lebih terjaga berbanding tinggal bersama aku yang seharian menghabiskan masa di makmal.

Aku, dan pasukan penyelidik masih mengkaji nisbah yang tepat dalam menghasilkan vaksin generasi ke-10 dalam melawan

wabak COVID-19 dengan peratusan keberkesanan sebanyak 91% kepada tubuh manusia tanpa kesan sampingan yang ketara.

Mesin pesanan suara berbunyi ketika aku tiba di rumah. Sudah berbelas kali syarikat insuran cuba menghubungiku untuk menawarkan lanjutan tempoh langganan kerana insuranku akan tamat keesokannya.

Aku sebal mendengar kadar baharu yang ditetapkan oleh syarikat insuran untuk langganan perlindungan kesihatan. Tanpa berselindung, mereka mengambil kesempatan mengenakan caj yang mahal kerana permintaan yang kian meninggi setiap hari.

Telefonku berbunyi, kakak menghantar gambarnya yang berswafoto di dalam parlimen negara. Di belakangnya ada wajah-wajah uzur yang melihatnya dengan riak kurang senang.

Aku terhibur melihat gelagat kakak yang sentiasa ceria, walaupun dia sering dipandang rendah dan disisihkan oleh rakan sejawatnya. Kakak seringkali mengusikku, bahawa apabila takdir memilih aku untuk dilahirkan sebagai seorang lelaki, aku sudah pun memenangi loteri pertama di dalam kehidupan.

Usai membersihkan diri, aku duduk di balkoni. Di hadapanku, ada ratusan balkoni dan setiap satunya berpenghuni. Seperti aku, mereka semua merenung ke langit malam. Mata kami asyik menikmati bintang-bintang hologram berkelipan dan bulan sabit yang melengkung tajam.

Menurut kalendar harianku, berdasarkan kiraan hari, sepatutnya malam ini yang muncul adalah bulan mengambang terang.

Aku tergelak kecil.

Barangkali, pegawai di balai pencerapan sudah mulai terlupa, atau leka untuk mengira hari-hari yang sedang ditempuhi oleh kami di dunia ini dalam sebuah bangunan.



ADAKAH KEKAL SAMA?
NURUL IZZYANA BINTI RAHMAT

“Mama, Suci lupa ambil pelitup muka!” jerit anakku, Suci Isabella, yang kini berusia lima tahun. Jemariku yang tadinya mengunci mangga lantas terhenti; dan terusku buka kembali pintu rumah untuk mengambil pelitup muka buat si kecil itu. Demikianlah ‘norma lama’ yang kekal relevan sejak sepuluh tahun yang lalu hingga kini; pemakaian pelitup muka. Ada apa dengan sepuluh tahun lalu?

Manakan mungkin marhaen lupa akan ‘kehadiran’ Halimunan bernama COVID-19 itu. Mac 2020 menjadi saksi dan bukti, betapa Halimunan itu telah berjaya meresahkan sekian jasad dan jiwa, hingga negara yang berdekad telah merdeka ini disekat kebebasan pergerakannya. Berbulan lamanya marhaen ‘berperang’ dengan tentera musuh yang tidak terlihatkan, dengan penuh pengharapan agar peperangan itu akan berakhir kelak. Namun siapa jua yang dapat menjangka dan menduga, Halimunan itu rupanya telah ditakdirkan untuk terus menetap, bukan sekadar datang menghinggap. Setelah beberapa tahun marhaen dijanjikan dengan vaksin sebagai penawar, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) akhirnya membedil tembok janji itu

dengan sebuah pengisytiharan; bahawa Halimunan ini tidak akan pernah hilang mahupun kecundang, dan kita perlu ‘hidup dengannya’ sebagaimana kita telah hidup dengan wabak denggi yang mengancam nyawa sekian lama. Catatan kes yang dahulunya dihitung kira dan diambil peduli saban hari, kini hanyalah sekadar angka yang seketika ditatap, lalu lenyap.

“Mama! Tengok tu, Skuad Sayang!” Lamunanku terhenti mendengarkan jeritan Suci. Aku memandang ke arah telunjuknya sambil tersenyum; sebuah van putih dengan tulisan ‘Skuad Sayang’ menghampiri, seperti kebiasaannya.

“Hai, kak! Apa khabar? Is everything alright today? Anything to share?” tanya salah seorang wanita dari dalam van itu dengan ramah sekali.

“Alhamdulillah, hari ini masih baik-baik sahaja. Thanks, Skuad! Love as always,” ujarku ceria. Suci melambaikan tangan ke arah mereka. Mereka turut melambai semula, dan berlalu ke rumah-rumah yang lain. Jika ditanyakan padaku, apakah kebanggaan yang aku punya sebagai rakyat Malaysia; jawapanku ada pada Skuad Sayang ini. Aku bangga kerana dapat hidup di tanah tumpah darah yang penuh kebersamaan dan saling peduli.

“Mama, Skuad Sayang memang ada dari dulu ke?” tanya Suci kepadaku. Sambil menghidupkan enjin kereta dan meninggalkan perkarangan rumah, aku menjawab persoalannya.

“Skuad Sayang baru sahaja ditubuhkan lima tahun lepas. Pada mulanya, ia cuma satu organisasi kecil di bawah Kementerian Kesihatan. Sekarang sudah jadi seperti pertubuhan yang besar, kerana skuad ini telah beroperasi di setiap mukim dan daerah.”

“Tapi kenapa perlu ada Skwad Sayang?” Dahinya berkerut ingin tahu.

“Ingat tak dulu Mama cerita? COVID-19 ini sudah menyebabkan banyak kilang dan syarikat mufis. Maka ramailah pekerja yang hilang pekerjaan. Apa agaknya yang mereka rasa bila dibuang kerja?”

“Sedih... Kecewa... Tertekan...”

“Benar sekali, Suci. Kerana itulah kita ada Skwad Sayang, untuk mendekati masyarakat yang berada di dalam serangan atau tekanan emosi setelah berlakunya COVID-19, agar terjaga kesihatan mental setiap marhaen, dan dalam masa yang sama, membuka peluang pekerjaan yang baru.”

Mendengarkan penjelasanku, Suci menganggukkan kepalanya tanda mengerti.

Untuk kebanyakan orang, pertanyaan ringkas seperti “Is everything alright?” itu mungkin kedengaran menjengkelkan. Namun percayalah, masih ada jiwa-jiwa hiba yang sangat memerlukan sapaan sedemikian rupa sebagai ‘jambatan’ untuk meraih keselamatan dan ketenangan. Sememangnya, itulah misi utama Skwad Sayang; untuk mendekati dan ambil peduli, sekali gus mengurangkan kadar bunuh diri atau kemurungan dalam kalangan marhaen, di era pasca COVID-19.

Setelah memandu hampir 20 minit, kami pun tiba di pasar raya untuk membeli barangan keperluan. Kami segera beratur mengimbas muka di Kaunter Elektronik Pengunjung untuk rekod gambar dan pengambilan suhu, lalu mengisi nama dan nombor telefon pada skrin tersebut. Demikianlah ‘penangan’ si Halimunan;

segalanya kini serba elektronik demi mengurangkan 'kontak'. Tiada lagi pekerja yang perlu menjaga pintu masuk, tiada lagi juga juruwang mahupun jurujual di setiap premis perniagaan. Jika hendak membeli barangan, hanya perlu imbas dan bayar sahaja pada mesin yang disediakan.

Usai membeli segala keperluan, aku dan Suci singgah sebentar ke taman rekreasi yang berdekatan untuk menghirup udara segar. Kubelikan sebuah layang-layang buat Suci, lalu bermainlah anak itu dengan girang sekali. Sambil mengawasinya, fikiranku menerawang memikirkan apa yang telahku baca kelmarin,

NASA telah hadir dengan slogan 'Marikh Untuk Manusia'.

Bumi ini memang sudah tua dan berpenyakit. Namun adakah Marikh cukup muda dan sihat untuk didiami manusia?



SURAT UNTUK KALIAN
MUHAMMAD AMIN B. MD SANI

Bencana! Malapetaka! Pengakhiran dunia! Dalam sekelip mata, kehidupan kita disimpul dalam pusingan 180 darjah yang tiada siapa pernah bayangkan. Namun hidup mesti diteruskan walau sukar, walau perit untuk melangkah hari-hari mendatang. Kita menyaksikan ratusan syarikat-syarikat gergasi dari pelbagai industri yang akhirnya gulung tikar atau terjejas teruk lalu memahat kenangan pahit dalam sejarah peradaban moden dunia. Buat kali pertama dalam sejarah, harga minyak jatuh ke paras negatif. Kesannya dirasai di seluruh dunia.

COVID-19 yang mulanya hanya warta berita pada waktu malam mula tersebar ke seluruh dunia meragut ratusan ribu nyawa dan aku, insan biasa hidup mengais di kota raya masih diberi peluang yang maha esa untuk menghela nafas di celah rimbunan hutan konkrit Kuala Lumpur. Peritnya hidup dalam tempoh berkurung hanya tuhan saja yang tahu, makan dan minum tidak sempurna, mengharap bantuan ihsan dari orang sekeliling. Terima kasih! Hanya Tuhan mampu membalas jasa kalian.

Adakah ini ujian? Adakah ini peringatan? Atau balasan kepada kita yang semakin alpa? Bagiku ini adalah peringatan keras bukan sahaja secara fizikal, malah rohani semua insan yang bergelar manusia. Masing-masing hanyut dalam dunia sendiri tanpa mengira batas norma kehidupan. Anggap sahaja ini peluang yang diberi untuk kita melihat kembali kedudukan kita sebagai hamba pada yang maha esa.

Ah! Dangkalnya pemikiran! Kamu berasal daripada kampung mana!? Kalau begitu semua benda yang berlaku adalah peringatan Tuhan? Kolot! Semua sudah ku dengar dari celahan rimba kota raya ini. Lihatlah sekeliling kita, fikirkan sejenak, hanya di dalam keadaan begini sahaja kita mampu melihat nilai diri seorang insan. Membantu tanpa diminta, lari dari membantu, menipu dalam membantu bahkan mencuri hasil bantuan. Itu hanya bukti kecil dari mata seorang gelandangan seperti aku. Kamu orang bijak pandai, lihatlah sekeliling kamu, apa yang sedang berlaku. Bukankah benar apa yang aku kata? Atau kamu hanya pejamkan mata, asalkan tekak kamu masih terjaga?

Bukan salah yang aku cari dan bukan jari yang aku tuding. Mungkin sukar untuk menerima pandangan gelandangan seperti aku. Tapi, sudah banyak yang aku lalui, sudah banyak yang aku tempuhi. Aku juga pernah senang. Ratusan ribu ringgit dalam peti besi, limpahan harta yang tidak akan terhabis. Aku punya isteri, aku punya anak. Aku harap mereka mengampunkan dosa-dosa aku yang lalu. Aku diuji dengan kesenangan dan akhirnya tewas di kancah maksiat. Bergelumang dengan duit yang aku tahu haram puncanya, tetapi aku endahkan asal kan hidup aku selesa. Kini,

walau mengais mencari nafkah, dapat aku rasakan ketenangan yang tak mampu aku beli dengan harta kekayaan aku dahulu. Cukuplah mengimbuai hidup aku yang dulu, percayalah bukan itu yang kamu patut teladani.

Tidak kira agama apa yang kamu puja, siapa tuhan kamu, kita manusia biasa sentiasa harus diingatkan dan saling mengingati kerana kita sering terlupa! Terlupa bertanya khabar orang yang kita sayangi, terlupa menolong orang yang dalam kesusahan, terlupa mengucapkan syukur serta terima kasih di atas segala nikmat. Syukur telah menyelamatkan aku dari terus hanyut. Aku bersyukur dengan kehidupan aku kini, aku tidak membandingkan harta kekayaan aku lagi. Aku bersyukur dengan ujian yang aku alami, dan begitu juga kalian. Perjalanan kita belum berakhir. Tetapi bukan semudah yang kita harapkan. Anggaplah ini sebagai perjalanan di dalam satu terowong yang walau panjangnya sepanjang 7 benua, akhirnya akan ada cahaya yang menyambut kita di penghujungnya.

Aku terbaca sebuah keratan akhbar yang berkenaan kes bunuh diri yang meningkat di waktu wabak ini melanda. Baiklah, sejujurnya, aku terbaca di dalam tong sampah sewaktu mencari sisa makanan di belakang restoran ayam goreng ternama di Jalan Pudu. Sedih bukan? Tetapi alah bisa tegal biasa. Mudahny mereka mengambil nyawa sendiri yang diberi sebagai pinjaman. Tetapi, bayangkan jika orang-orang sekeliling mereka lebih mengambil berat, menghulurkan tangan, mungkinkah perkara yang sama akan berlaku? Ya, mungkin kamu juga serba kekurangan, tiada apa yang mampu dibantu. Sedarlah kita, terkadang, mereka hanya

perlu rakan untuk berbicara, tempat untuk meluahkan apa yang terpendam di benak jiwa mereka.

Ini yang aku cari, ini yang aku mahu tundingkan. Kesedaran masyarakat yang ini bukan pengakhiran dunia yang menghalalkan sifat pentingkan diri kita. Aku dapat menggambarkan masa hadapan pasca wabak ini. Lihatlah sekeliling kita, capai tangan mereka dan bantu apa yang termampu. Andai aku sudah tiada, simpan surat ini sebagai bukti untuk anak cucu kalian. Moga kita berjaya harungi bersama, jumpa kalian di hujung terowong.

Yang benar,
Si pengutip sampah.



REVOLUSI COVID

SHAFEERA RASYADA SHAIFUL

Graduan kini tidak dipandang tinggi seperti dahulu kala. Graduan kini hanya dipandang tinggi berdasarkan kursus yang diambil mereka sahaja. Jika mereka merupakan graduan berkenaan dengan sistem dan teknologi (Kepintaran Buatan) maka merekalah pembawa arus Revolusi Industri 5.0. Jika mereka merupakan graduan berkenaan perubatan atau sains maka merekalah pembawa masa hadapan.

Kenapa? Ya, kerana COVID ini pembawa perubahan segalanya. Dunia pekerjaan kini tidak seindah seperti 28 tahun yang lepas. Kehadiran COVID telah mengubah persepsi alam, manusia seakan pupus digantikan dengan ciptaan manusia, robot yang tentu sekali melawan prinsip undang-undang alam semula jadi. Asyraf memandang sayu ijazahnya yang diterima pada bulan lepas. Jika dibandingkan dengan gambar konvokesyen ibunya jauh sekali. Terimbas memori lama, wajah ibunya yang ceria dan manis berkebayu merah, berkasut tumit tinggi menerima sebuah skrol di atas pentas yang gah. Namun, Asyraf? Hanyalah sekadar gambar suntingan seolah dia menerima ijazahnya daripada Naib Canselor. Kenyataannya, hanyalah teknik fotografi semata.

“Asyraf Qardhawi!”

Seorang wanita menjerit namanya. Tersentak dia dari lamunan, lantas mengambil segala dokumen dan fail untuk sesi temuduga tersebut di sebuah syarikat penerbitan bahan bacaan Kureng Kraft. Sesi temuduga kurang berjalan lancar, bukan kerana dia tidak mempunyai bakat dalam bidang keseniannya, namun kerana COVID ini membataskan peluang pekerjaan serta had pengambilan oleh kerajaan.

“Buat masa sekarang kami hanya mahukan seorang yang kompeten dan berpotensi membaiki robot kami. Had pekerja kami sudah melebihi 15 dan kami pun sudah laksanakan kerja hari rawak dan bergilir. Kalau setakat melukis dan seni, robot kami jauh lebih kreatif dan berseni. Maaf ya.”

Masih terngiang di minda, Asyraf berjalan perlahan menuju ke rumah dengan penuh kedukaan. Sahabatnya yang mengambil bidang perubatan turut berhempas pulas mencari vaksin. Namun, hanya penyelesaian vitamin untuk peningkatan imuniti sahaja banyak dihasilkan.

Dia merenung melihat ke sebuah kafe francais yang terletak di seberang jalan, Ayam Kepci. Kini kafe tersebut tidaklah seperti zaman ibu bapanya, di mana pelanggan dilayan oleh manusia. Zaman sekarang, pelanggan hanya perlu mengimbas kod daftar, memilih menu di skrin, dan membayar menggunakan kad atau secara talian. Mudah. Tiada kontak secara langsung. Makanan akan disediakan oleh robot khas sambil dipantau dua orang pekerja untuk mengawal situasi. Mudah.

Berjalan lagi tapak kaki Asyraf sambil mata meliar lantas tersentak melihat sebuah televisyen di luar kedai elektronik. Pilihanraya bakal bermula. Namun, pilihan raya kini berbeza. Manusia tidak perlu lagi beratur dan membawa kad pengenalan serta mencelup jari bagai inai di jari untuk sesi undian. Zaman kini, telefon mudah alih ini digunakan untuk imbasan kad pengenalan dan imbasan wajah lantas undian dilakukan. Pantas dan efisien! Tiada juga unsur penipuan kerana sistem dikawal ketat oleh keselamatan revolusi 5.0 ini. Mata kuyu Asyraf meliar melihat sebuah perpustakaan yang seringkali menjadi tumpuan pelajar universiti. Kini, untuk memasuki perpustakaan, manusia hendaklah mengimbas kod untuk pendaftaran, dan akan diimbas secara pantas oleh sebuah robot kecil yang akan mengeluarkan gelombang bagi mengenal pasti jika pelanggan mempunyai risiko COVID. Kalau zaman dahulu, hanya suhu badan saja yang diimbas. Kini lebih relevan dan selamat. Namun, hanya ada satu pekerja bagi memantau situasi. Buku-buku lama kini dibaluti plastik keras agar mudah untuk disanitasi. Tiada lagi bau dan sentuhan untuk kulit buku-buku baru atau lama. Berbeza.

Sukar benar untuk Asyraf mencari peluang pekerjaan. Semakin tipis dan nipis. Dunia revolusi seantero diganti dunia robotik yang bercanggah dengan hukum alam semulajadi. Inikah yang manusia mahu?

Asyraf melalui jalan denai dan melihat dari jauh wajah ibunya melambai dari dalam cermin kafe. Lalu dia meneruskan perjalanan ke arah rumahnya dengan penuh longlai. Ya, itulah norma baharu. Ibunya yang bekerja di pejabat akan ke pejabat

pada hari tertentu dan selebihnya bekerja dari rumah. Tidak mudah kerana sukar untuk beliau fokus oleh itu setiap kali ada urusan atau mesyuarat dalam talian, kafe BintangBak menjadi rumah keduanya. Ayahnya pula merupakan seorang pesara guru yang menjalankan hampir 80% kelas dalam talian. Selebihnya hanya praktikal menggunakan tetapan prosedur yang asas. Asyraf berjalan sehingga tidak sedar sehelai poster bergulungan terbang ke arah kakinya. Dia menggunakan semburan campuran alkohol pada kertas tersebut sebelum mencapainya dan membaca dengan penuh teliti.

Ya, aku sudah jumpa kerja yang terbaik untukku!

Zaman teknologi, kini setiap bangunan atau tempat akan disanitasi selepas 22 jam, termasuk robot yang mempunyai permukaan dan risiko tinggi untuk virus merebak. Kerja sanitasi hanyalah boleh dilakukan oleh manusia kerana lebih teliti dengan kepekaan mengikut prosedur. Benar. Aku tak lagi boleh memilih dunia pekerjaan.

